


A close-up portrait of a middle-aged man with light skin and short, light-colored hair. He is wearing black-rimmed glasses and has a serious, contemplative expression. The background is dark and out of focus.

**SIRI
3**

MALEK BENNABI

DAN

PERGOLAKAN SOSIAL

(PERUBAHAN SOSIAL DAN ASAS-ASAS PENDIDIKANNYA)

MALEK BENNABI DAN PERGOLAKAN SOSIAL

(PERUBAHAN SOSIAL DAN ASAS-ASAS PENDIDIKANNYA)

Dr. Ali Al-Quraisyiy

Diterjemahkan oleh:

Mohd. Sofwan bin Amrullah



Buku Malek Bennabi dan Pergolakan Sosial ialah terjemahan buku dalam bahasa Arab yang bertajuk: At-Taghyeer Al- Ijtima'ii' Enda Malek Bennabi.

Buku ini ditulis oleh Dr. Ali Al-Quraisyiy dan diterbitkan oleh Az-ZaharaaLi-l'lam Al-'Arabi, Mesir dan diterjemahkan oleh Mohd. Sofwan bin Amrullah.

Terbitan pertama 2025 (Edisi E-Buku)

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM).

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam penerbitan
al-Quraisyiy, Ali

Malek Bennabidan pergolakan sosial / Ali Al-Quraisyiy, terjemahan

Mohd. Sofwan Amrullah

1. Arab countries--History. 2. Bennabi, Malek, 1905-1973.

3. Algeria--Social conditions, 4. Algeria--Economic conditions. 5. Algeria--Politics and government. 6. Social change- - Arab countries 7. Social change--Islamic countries. I. Mohd Sofwan Amrullah. II Judul.

909.0974927

008.126

Diterbitkan oleh:

Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM),
Aras 3 & 4, Blok D, Kompleks Islam Putrajaya,
No.3, Jalan Tun Abdul Razak, Presint 3,
62100 Putrajaya.

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

Prakata	5
Unsur-unsur Yang Membentuk Perubahan	7
Periode Pimpinan Roh	11
Periode Pimpinan Akal	12
Periode Naluri (Kehancuran)	13
Pendidikan Membentuk Peradaban	15
Keutamaan Pendidikan dalam Periode Peradaban	21
Masyarakat Sebagai Ejen Pendidikan	24
Ruang Kerja Penjajahan dan Penghapusan Prinsip Individu	26
Mengubah Persekitaran atau mengubah Manusiaanya	28
Menanamkan Nilai-nilai Baik dan Usaha Perubahan Sosial	29
Pendidikan Gagasan Penyelamat	32
Keterlibatan Asas dalam Perubahan Sosial	33
Menanamkan Prinsip Akhlak atau Moral	34
Investasi Bakat dan Kemampuan	34
Menciptakan Persekitaran yang Positif	34
Menubuhkan Kehendak untuk Mencipta Sejarah	35
Bahasa Bentuk Ayat Mendidik	36
Isi dan Bentuk Ayat	36
Pengucap Bahasa Perubahan	37
Ilmu, Pengajaran dan Perubahan sosial	38
Fikiran dan Perubahan Sosial	40
Kanak-kanak dan Fikiran	41
Pemikiran dan Adaptasi	43
Kritikan Malek Bennabi terhadap Gerakan Perubahan	49

PENGANTAR



ALHAMDULILLAH, segala puji bagi Allah SWT atas segala inayah-Nya yang telah mempermudah segala perancangan yang disusun oleh penerbit. Memahami bahawa buku ini masih mempunyai permintaan di samping tanggungjawab sosial Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) untuk terus memberi manfaat kepada masyarakat dalam bentuk sebaran ilmu, buku terjemahan Malek Bennabi ini diterbitkan sekali lagi dalam bentuk e-buku selepas 28 tahun.

Penerbitan semula ini bagi YADIM amat perlu memandangkan situasi masyarakat kita pada hari ini yang semakin membimbangkan. Rata-rata, masyarakat hari ini senang untuk mencampur adukkan tamadun dan memahami bahawa sebagai bangsa yang maju, seseorang itu perlu fleksibel dengan pelbagai bentuk kemajuan daripada semua ceruk tamadun dunia. Orang Islam pada hari ini seolah-olah tidak mempunyai jati diri sebagai umat Muhammad yang memiliki keteguhan jiwa dan iman.

Malek Bennabi, tokoh Islam yang banyak memperkatakan tentang tamadun Islam selepas Ibn Khaldun. Idea tokoh Islam ini masih relevan walaupun telah berpuluh tahun berlalu. Idea ini perlu diambil, dibahasakan dan dipraktikkan dalam kehidupan seharian demi melahirkan kembali umat Islam yang gemilang. Antara petikan kata-kata beliau ialah, “[Umat Islam mesti mengubati tiga penyakit besar iaitu pemikiran yang jumud, jiwa yang lemah dan iman yang telah padam sinar sosialnya.](#)”

Buku ini pada asalnya mempunyai 3 bab. Untuk edisi e-buku ini, kami mengambil keputusan untuk menerbitkannya mengikut bab. Oleh itu, untuk edisi pertama ini kami tampilkan Siri 3 yang menfokuskan kepada medium atau unsur-unsur yang membawa kepada perubahan.

YADIM berharap buku ini akan dimanfaatkan oleh semua peringkat usia terutamanya generasi muda. Membacalah, kerana membaca itu menghiburkan! Malah dengan membaca kita mampu membawa kepada perubahan kerana limpahan ilmu yang terkandung dalam bait-bait hurufnya.

Firman Allah SWT yang bermaksud: *“Sesungguhnya Allah tidak mengubah keadaan suatu kaum selagi kaum itu sendiri tidak (berusaha) mengubah keadaan mereka”*. (al-Ra’d: 11)

Penerbit
Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia

SIRI TIGA

PERUBAHAN SOSIAL DAN ASAS-ASAS PENDIDIKANNYA

SESUNGGUHNYA, perkembangan perubahan sosial dalam pemikiran dunia dilihat daripada perkembangan sejarah manusia, mempunyai aliran atau kecenderungan yang bermacam-macam, sama ada ditinjau daripada pentakrifan, motivasi, nilai ataupun pentafsirannya.¹

Pada fasal ini kita berkenalan dengan konsep-konsep perubahan sosial menurut Malek Bennabi menerusi tiga aspek:

Unsur-unsur yang membentuk perubahan.

Pentafsiran sejarah terhadap gerakan perubahan.

Asas-asas pendidikan yang menggerakkan perubahan.

1. Unsur-Unsur yang Membentuk Perubahan:

Malek Bennabi berpendapat, tujuan perubahan sosial yang sebenarnya adalah untuk menegakkan peradaban. Untuk menegakkan peradaban mesti ada tiga unsur iaitu individu, pemikiran dan hal yang berbentuk kebendaan. Kemudian, dia menguatkannya dengan unsur yang keempat iaitu keterlibatan dalam hubungan sosial yang merupakan produk yang lahir dari ketiga-tiga unsur yang telah disebutkan sebelumnya.

Orang yang meneliti pemikiran Malek Bennabi akan berhadapan dengan unsur-unsur tersebut iaitu individu, pemikiran dan hal yang berbentuk kebendaan. Ini bukan kajian terhadap eksistensi atau falsafah unsur-unsur tersebut, melainkan berupa analisis terhadap gerak lakunya dalam kaitannya dengan kehidupan manusia, yang beragama Islam khususnya.

Pemikiran dianggap sebagai satu unsur dari tiga unsur perubahan sosial; dan sebagai sumber atau “guide”nya ialah Islam. Idea atau hasil pemikiran yang dihasilkan oleh para ilmuwan serta pemikir Muslim melalui kajian mereka tidak boleh dianggap sebagai akidah atau syariat, tetapi sekadar nilai-nilai dan prinsip-prinsip yang boleh digunakan untuk melaksanakan gerakan sosial bagi menegakkan suatu peradaban.

Dengan kata lain, idea dan pemikiran tersebut tidak boleh dijadikan sebagai kepentingan utama.

Soal ketandusan idea dan bercambahnya pemikiran yang batil merupakan salah satu masalah pemikiran yang melanda Dunia Islam. Kelompokan pemikiran, menurut Malek Bennabi, kadang kala diterima bahkan diakui sebagai benar, tetapi dalam perjalanan sejarah, hal itu telah kehilangan banyak fungsinya. Ungkapan “amar makruf dan nahi mungkar” tidak boleh dianggap sebagai pemikiran semata-mata tetapi mestilah disertai dengan tindakan konkrit serta ikhtiar dalam kaitannya dengan soal-soal kemasyarakatan.

Individu (manusia) termasuk salah satu unsur dalam usaha perubahan sosial. Dalam tulisan-tulisan Malek Bennabi tidak didapati tajuk khusus yang membincangkan falsafah komposisi tubuh manusia, tetapi yang dilihat adalah perbincangan tentang tindakan yang perlu bagi melakukan reformasi sosial sebagaimana tergambar dalam soalan-soalan yang berikut:

Apakah faktor-faktor yang mendorong berlakunya perubahan?

Bagaimanakah mengeksploitasinya supaya menjadi sebab kepada tindakan yang dikehendaki?

Apakah halangan-halangan yang menghambat perubahan tersebut?

Apakah penyakit, gejala serta unsur negatif dalam melakukan perubahan ini?

Lantas, bagaimanakah cara mengatasinya agar tercipta iklim yang sesuai bagi berjalannya proses perubahan dan seterusnya bagi lahirnya suatu peradaban?

Sesungguhnya jawapan kepada kesemua soalan itu dapat dinilai dan dipelajari melalui individu dan masalah-masalahnya, masyarakat dan fenomena-fenomenanya, seterusnya melalui kajian terhadap tingkah laku dan pendidikan kemasyarakatan.

Justeru itu, analisis yang cermat perlu dilakukan terhadap keadaan masyarakat tersebut lalu membuat perbandingan dengan kaedah perubahan sosial yang sudah berlaku dalam sejarah.

Jikalau kita ikuti pemikiran Malek Bennabi maka akan kita dapati bahawa pengertian “gerakan” menurut beliau sinonim dengan istilah “al-nahdah” atau kebangkitan. kebangkitan”. Sedangkan pengertian “al-nahdah” tersebut menurut beliau adalah usaha yang berkesinambungan untuk mencapai satu matlamat, yakni peradaban. Pengertian ini mendorong kita untuk memahami mengapa beliau menumpukan kajiannya terhadap tingkah laku dan pendidikan manusia.

Menurut Malek Bennabi, diperlukan tiga perkara untuk mengerahkan manusia merealisasikan perubahan. Tiga perkara yang dimaksudkan ialah:

1. Mengarahkan budaya.
2. Mengerahkan usaha.
3. Mengerahkan modal.

Jika manusia dapat diarahkan ke dalam tiga bidang tersebut, maka tidak diragukan manusia akan bersedia melakukan tindakan yang menuju tertegaknya satu peradaban. Pengerahan ini adalah penting kerana memberi pengetahuan kepada manusia tentang makna peradaban — yang menurutnya merupakan usaha yang amat sukar dilakukan, apatah lagi mengerahkan mereka ke matlamat tersebut.

Lantas, suatu gerakan atau kebangkitan itu sendiri akan menghimbau manusia untuk melakukan penyelidikan tentang tingkah laku dan fenomena manusia itu sendiri. Usaha paling diutamakan dalam hal ini adalah mempersiapkan insan Muslim yang bersedia melangkah dari periode kehancuran budaya menuju periode budaya yang ditunggu-tunggu. Oleh itu, tidaklah menghairankan apabila tulisan-tulisan Malek Bennabi kebanyakannya membincangkan soal peradaban.

Kemudian, hal-hal yang membentuk perubahan. Malek Bennabi tidak mengkaji secara terperinci tentang eksistensi sesuatu tetapi lebih menumpukan kajiannya tentang gerak-lakunya. Untuk mengerahkan budaya melalui cara khusus yang dicetuskan Malek Bennabi dapat dilihat dengan jelas, yakni memadukan usaha yang logik dan faktor sains serta teknologi. Hal ini akan dapat kita ketahui secara lebih terperinci dalam keterangan selanjutnya.

Istilah revolusi kebudayaan, menurut Malek Bennabi, adalah sinonim bagi perubahan sosial, al-nahdah, al-yaqzah, al-tatawwur, al-numuw, al-ishlah, dan al-taqaddum. Kesemua istilah itulah yang selalu digunakan oleh tokoh-tokoh pemikir dan pembaharu Arab dan kaum Muslimin pada zaman sekarang. Sebenarnya istilah-istilah itu membawa makna yang sama, iaitu menyatakan kehendak untuk berubah. Tetapi istilah yang umum bagi perubahan, menurutnya, adalah “revolusi kebudayaan” yang cuba mentafsirkan perubahan itu sebagai fenomena sosial.

Dari satu segi, Malek Bennabi menolak teori Toynbee yang mengatakan faktor geografi dan tempat tinggal sebagai faktor pencetus berlakunya “perlumbaan” yang kemudian menyebabkan lahirnya “respons” yang menimbulkan perubahan sosial. Beliau juga menolak teori-teori yang bersifat rasialisme yang melihat suatu perubahan atas dasar kegeniusan etnik tertentu. Teori inilah yang menjadi pegangan mazhab Hitlerisme yang dipelopori oleh Rosenburgh, manakala Walter Schubert mengatakan perubahan sosial sebagai akibat dari faktor momentum, bukan faktor etnik tertentu.

Malek Bennabi Malek Bennabi berpendapat bahawa perubahan dalam masyarakat tidak hanya bergantung kepada peranan pahlawan, walaupun sebenarnya mereka membantu membangkitkan kesedaran. Beliau juga menolak teori Marxisme yang melihat suatu perubahan berlaku kerana faktor ekonomi semata-mata. Pada beliau, teori ini “tidak memberi landasan yang kukuh kepada struktur sosial yang sudah rosak dan peradaban yang tempang jika perubahan hanya akan berlaku atas dorongan ekonomi semata-mata”.

Ibnu Khaldun pernah mengemukakan teori “lingkaran sejarah” (La Laid Cycle) dan ini telah menjadi istilah yang popular pada zamannya. Malek Bennabi berpendapat, sesuatu peradaban tidak akan menghasilkan kemajuan selagi tidak wujud sebuah negara. Teori ini memungkinkan untuk diperluas pengertiannya dari sekadar menegakkan sebuah negara kepada pembangunan masyarakat dan peradaban yang menyeluruh sifatnya. Tetapi walaupun demikian, Malek Bennabi merupakan orang terakhir mentafsirkan perubahan sosial secara lebih luas berdasarkan pemikiran “lingkaran sejarah” tadi. Ini akan diterangkan kemudian secara lebih terperinci.

Sebenarnya, peradaban — menurut Malek Bennabi, — sentiasa melalui “tahap-tahap pertumbuhan yang hampir sama”. Tahap-tahap tersebut adalah tiga, iaitu: kebangkitan, kemuncak dan kehancuran.

Keadaan tersebut dapat dilukis melalui rajah. Gambaran gerakan perubahan itu bermula dari satu titik (kelahiran) yang naik ke arah atas, sementara titik (kehancuran) merupakan garisan yang mengarah ke bawah, sedangkan garisan peralihan berada di tengah-tengah dua garisan tadi dan inilah kemuncak suatu peradaban. Maka sempadan kehancuran yang berbentuk garis yang mengarah ke bawah adalah kebalikan bagi garis kebangkitan yang mengarah ke atas. Sementara di antara kedua-duanya ditemui suatu periode tersebar-luasnya suatu peradaban.

Begitulah perubahan-perubahan nilai dalam diri manusia dalam pelbagai peradaban menuju peradaban Islam.

Gambar tersebut jelas menunjukkan perubahan sosial dalam semua masyarakat mengikut teorinya dalam lingkaran peradaban melalui tiga tahap:

1. Periode pimpinan roh, yakni permulaan kebangkitan.
2. Periode pimpinan akal, yakni period penyebarluasan peradaban.
3. Periode pimpinan naluri, yakni period kehancuran dan kejatuhan.

Menurut Malek Bennabi, teori ini berlaku pada perubahan sosial dalam masyarakat Kristian dan Islam sebagaimana dijelaskan seperti yang berikut:

Pertama: Period Pimpinan Roh

Pada periode ini, sebagaimana ditunjukkan dalam rajah, seseorang berada dalam peringkat kosong atau tahap fitrah semula jadi. Apabila datang pemikiran maka ia menundukkan dan mengatur nalurinya terhadap amal syartiyah, demikian juga anggota badan dan tingkah lakunya tunduk di bawah aturan tertentu. Dengan kata lain, kewujudannya dengan sendirinya bersesuaian dengan tuntutan pemikiran Islam yang sudah sehati dengan dirinya; kegiatan hidupnya didasarkan kepada kehendak rohnya. Inilah kesan pembentukan terhadap tingkah laku seseorang sesuai dengan tabiat acuan moral dan pemikiran yang diberikan pada periode ini.

Sesungguhnya periode ini telah bermula dalam masyarakat Kristian sebagaimana yang disaksikan Malek Bennabi di pedalaman Jerman, utara Eropah dimasuki periode ini, lalu ia mempengaruhi individu buat pertama kalinya, kemudian mempengaruhi masyarakat pula. Tentang ini, Herman tidak ragu-ragu mengatakan bahawa kelahiran tamadun Kristian bersamaan dengan lahirnya “roh etika”. Roh inilah juga yang menggoncangkan Eropah pada zaman al-Karulonjiyan (687-987M) dan berterusan hingga ke zaman Renaissance.

Adapun dalam masyarakat Islam, periode pimpinan roh ini, menurut Malek Bennabi, bermula sebaik sahaja ditanzikan firman Allah SWT:

اقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ

“Bacalah dengan nama Tuhanmu (Allah) yang menciptakan.”

(Surah al-‘Alaq: 1)

Periode inilah zaman bermulanya perubahan psikologi dan tingkah laku serta pembentukan semula keperibadian Arab jahiliyah menerusi nilai-nilai dan aturan-aturan risalah yang baru.

Kedua: Periode Pimpinan Akal

Selepas melalui periode pimpinan roh tadi, masyarakat manusia pun semakin maju dan urusan dalamannya menjadi lebih rumit dan kompleks yang meletakkannya berdepan dengan pelbagai masalah baru. Lebih-lebih lagi apabila periode ini merata dan meluas, maka terasa pulalah adanya keperluan-keperluan yang baru. Sebab itu, masyarakat tersebut terdorong kepada penggunaan akal sahaja yang menyebabkan naluri terlepas dari ikatannya. Hal ini tidak berlaku sekali gus, tetapi sedikit demi sedikit melalui perkara-perkara yang posisi manusia amat lemah dominasi roh ke atasnya.

Semua itu secara berterusan memberi kesan terhadap psikologi individu dan bentuk moral masyarakat, dua hal yang berfungsi sebagai pengawal tingkah laku seseorang. Sejauh mana terlepasnya ikatan naluri dari norma-norma sosial, maka sejauh itu pulalah ia memberi kesan terhadap moral seseorang dalam kegiatan hariannya, yakni sedikit demi sedikit bergerak ke arah keruntuhan.

Pada periode ini menurut Malek Bennabi keadaan psikologi manusia didapati cenderung menuju kehancuran yang amat dahsyat, mereka tidak berminat kepada pemikiran keagamaan dan ini dengan sendirinya menyebabkan sedikit sekali pengaruh agama dalam hidup mereka, peranan dimensi ghaib semakin terhakis; sedang pada waktu yang sama ilmu dan pengetahuan semakin melesit maju. Dan keadaan ini, dilihat dari segi “ilmu sebab-musabab”, maka menurut Malek Bennabi dikenal pasti sebagai permulaan timbulnya penyakit-penyakit sosial tertentu yang belum disedari oleh sejarawan dan ahli kemasyarakatan. Kerana akibat-akibatnya dapat dirasakan masih berterusan hingga sekarang. Manakala naluri yang terbelenggu terus-menerus berusaha melepaskan diri, sama ada pada perseorangan atau masyarakat, habis nilai dan norma mulia.

Menurut Malek Bennabi, periode ini berlaku ketika Eropah berada di puncak kemajuan peradabannya, yakni ketika mereka mula keluar dari periode ketinggian kepada periode dominasi peranan akal secara mutlak, yang kemudian jelas hal itulah yang banyak mempengaruhi lahirnya Descarterisme dan perluasan wilayah (penjajahan) yang disusuli dengan penemuan benua baru iaitu Benua Amerika oleh Christopher Colombus.

Adapun dalam masyarakat Islam, pada periode ini menurut Malek Bennabi bermula apabila menurunnya peranan roh atau sebaik sahaja berakhirnya Perang Shiffin (38 Hijrah). Malek Bennabi menilai, Muawiyah bin Abu Sufyan telah menghancurkan keseimbangan antara material dan roh. Hal ini menyebabkan masyarakat Islam kehilangan “balancing” meskipun secara perseorangan masih berpegang pada keyakinan dan suara hati nuraninya, tetapi bersifat pasif dan beku.

Dalam waktu yang sama, terdapat hal-hal yang mendorong kepada kehancuran; tanda awal adalah munculnya teknologi dalam masyarakat Islam sebagai akibat kekosongan akal dalam bidang ini. Periode ini “telah menggugurkan nilai-nilai mulia yang menjadi pegangan umat Islam sebelumnya, yakni periode Quraniy yang berlandaskan keseimbangan antara akal dan roh atau paduan kerohanian dan kebendaan, dua hal yang mesti ada bagi tiap-tiap pembinaan sosial.” Maka detik-detik terpisahnya pimpinan roh dalam masyarakat Islam merupakan “titik tolak bagi bermulanya kemunduran umat Islam kerana telah berlaku penjungkirbalikkan sistem nilai menuju peradaban tertentu. Dan keadaan ini tidak hanya mengalami perubahan sistem nilai dalam politik malah perubahan faktor dalaman manusianya sendiri.”

Menurut Malek Bennabi, periode ini berterusan sehinggalah tumbangnya kuasa al-Muwahhidin yang pada hakikatnya tidak lain dari akhir hayat sebuah peradaban unggul.

Ketiga: Periode Naluri (Kehancuran)

Ketika kebebasan dari pimpinan roh telah sampai ke kemuncaknya dan tabiat naluri telah mengalahkan individu dan masyarakat, bermula pula tahap ketiga dari tahap-tahap perubahan sosial yang Malek Bennabi namakan “periode naluri”. Ketika inilah masyarakat terasing dari pemikiran keagamaan, yakni jika pemikiran itu dirasa tidak sesuai dengan kepentingan masyarakat berkenaan.

Menurut Malek Bennabi, periode ini bermula sebaik sahaja kuasa al-Muwahhidin hancur. Hal ini kerana faktor-faktor negatif yang ditinggalkan periode kedua semakin bercambah hari demi hari hinggalah kurun kelapan Hijrah. Pertembungan dalaman telah sampai ke titik akhir yang upaya roh dan akal melemah sementara dominasi naluri semakin ketara. Kesemua ini memberi bekas kepada tingkah laku masyarakat, individu dan kebudayaannya yang mencampakkan mereka ke dalam suasana jumud serta kehancuran.

Pada masa yang sama, faktor-faktor yang menggerakkan masyarakat untuk bangkit pun lenyap, maka padamlah sinar peradaban tersebut, “lalu lenyaplah pula nyalanya secara perlahan-lahan, nyala yang membakar serta menggerakkan ‘domir’, tangan dan akal manusianya sebelum itu.” Dan tiada kuasa sakti yang mampu menghalang proses penghancuran ini. Oleh itu, “kebangkitan Timoriyah yang berada dalam kegemilangannya pada kurun ke-14 di Samarqand, begitu juga Dinasti Uthmaniyah, dua kuasa yang membantu Dunia Islam ketika itu juga tidak berupaya menyelamatkan keadaan.”

Walaupun ketika itu seseorang masih mampu mempertahankan imannya, namun itu tidak lebih daripada sekadar nilai kerohanian untuk keperluan hari akhirat kelak. Apabila ia berdepan dengan persoalan yang berkaitan dengan sosial dan pembangunan, maka iman yang sebenarnya “penggerak kemajuan sosial” menjadi iman yang kehilangan fungsi yang sebenarnya.

Lantas, timbulnya aliran sufisme menurut penelitian Malek Bennabi, tidak ubah seperti usaha yang mengajak orang lain bunuh diri beramai-ramai setelah lenyap kemegahan dan peradabannya. Kitab “Ihya Ulumuddin” tidak lebih dari sekadar usaha pengalihan oleh Imam al-Ghazali bagi membantu masyarakat terus melakukan kebaikan, tetapi tidak banyak membantu keadaan.

Demikianlah periode ini berterusan menurut Malek Bennabi hinggalah sekarang.

Adapun masyarakat Barat, putaran peradabannya terhenti di atas bendul periode itu sendiri, dan ini diakui sendiri oleh pemikir dan sejarawan Barat pada awal kurun ini sebagaimana disebutkan di dalam buku “Uful al-Gharb” yang ditulis oleh Spencer dan selainnya.

Kesan-kesan yang ditimbulkan periode ini nampak dalam pelbagai bidang pemikiran dan tingkah laku, serta berlakulah krisis nilai yang membingungkan Barat untuk mengatasinya. Hal ini dapat dilihat dalam banyak hasil fikiran, tingkah laku dan cara hidup Barat. Barangkali kewujudan eksistensialisme merupakan bukti paling nyata tentang adanya kegoncangan dan krisis tersebut.

Pendidikan Membentuk Peradaban

Sesungguhnya tingkah laku dan pertumbuhan jiwa seseorang menurut Malek Bennabi terbentuk dari persentuhannya dengan peradaban yang ia hidup di dalamnya. Dengan kata lain, seseorang akan menyerap setiap nilai yang ada pada peradaban tersebut.

Pada periode pimpinan roh yang sarat dengan pemikiran keagamaan mampu membuat naluri seseorang patuh kepada disiplin tertentu sehingga ia dapat menyerap nilai-nilai kerohanian, akhlak dan tingkah laku yang memang menjadi ciri-ciri periode tersebut.

Terpaculnya roh Islam pada tahap awal dalam peradaban Islam mampu mengubah jiwa dan rasional dua hal yang meninggikan sahsiah bangsa Arab kepada sesuatu yang sama sekali berlainan. Hal yang serupa juga telah berlaku dalam sejarah umat Kristian.

Urutan periode ini sama ada perseorangan atau masyarakat adalah seperti yang berikut:

Pertama, peranan pendidikan yang menyentuh perasaan, nilai dan tradisi manusia, yakni dengan usaha membiasakan tetapi akhirnya menjadi suatu keyakinan akan jiwa (roh) yang baru ini. Hal ini dilakukan melalui “tarbiyah individu” dan “tarbiyah itjtima’iyah atau masyarakat.”

Kedua, bahawa kesan yang terjadi melalui pendidikan itu kepada individu dan masyarakat, adalah secara automatik menjadi sebahagian daripada sahsiah mereka. Maka lahirlah individu-individu yang menjadi model melalui cara tertentu yang menimbulkan hal-hal yang positif dalam tingkah laku dan tindakan. Keadaan ini “tidak mungkin diwujudkan melalui perantaraan teori, bangku sekolah dan tidak dapat dianggap sebagai hasil atau buah ilmu.”

Kerana, kewujudannya lahir dari revolusi pendidikan pertama, sehingga ia menjadi suatu “trend sosial”, yang untuk berikutnya melahirkan hal-hal yang aktif dan upaya yang jitu melebihi kemampuan yang ada pada ilmu, pembelajaran dan tunjuk ajar dari luar, kerana ia telah menjadi sebahagian daripada peribadinya.

Adapun tahap kedua (periode akal) nampak ketara apabila masyarakat melemah dalam dimensi kerohanian dan sebaliknya cenderung kepada hal-hal yang bersifat kebendaan, yang semakin tumbuh sesuai dengan pertumbuhan peradaban. Berikutnya timbullah penekanan kepada penggunaan akal sekali gus melenyapkan keseimbangan antara roh dengan akal yang dapat menggalakkan atau menyuburkan kecenderungan kepada kebendaan. Yang demikian memberi kesan kepada masyarakat melalui perkara-perkara yang berikut:

Akhlak penggerak dunia keilmuan dipaksa tunduk oleh meluasnya peradaban, penekanan kepada hal-hal yang bersifat kebendaan dan penggunaan akal akibat tuntutan keperluan masyarakat dan kerana semakin kompleksnya kegiatan masyarakat dalam hal-hal yang baru, ditambah pula dengan kekosongan dimensi rohani kerana dominasi kebendaan dalam masyarakat lebih kuat.

Pertentangan akal dengan “domir” (jiwa). Pada periode ini akal terus menghasilkan pelbagai penemuan baru, tetapi tidak diiringi pertumbuhan rohani, sehingga menimbulkan pertentangan antara akal dengan “domir” dalam diri individu dan masyarakat — sebagaimana berlaku dalam bidang politik yang dipraktikkan Dinasti Amawiyah pada penggal kedua peradaban Islam.

Keadaan yang serupa dapat kita lihat dalam pertentangan atau pengasingan antara ilmu dan “domir” di Eropah ketika melemahnya “domir” umat Kristian menghadapi unsur rasional yang lahir seiringan dengan kemajuan ilmu pengetahuan. Jurang tersebut semakin melebar setiap kali berlaku penemuan baru dalam dunia ilmu pengetahuan; keadaan ini mencapai puncaknya pada awal kurun ke-20 apabila Eropah benar-benar dikuasai oleh pemikiran Descartes yang menjadikan ukuran kebahagiaan terletak pada kuantiti dan mematkan nilai-nilai yang mulia.

Di samping itu, ramai manusia yang pada mulanya berkhidmat untuk ilmu lalu berubah menggunakannya untuk maksud yang buruk (jahat) yang membuat “domir” berdepan dengan kegoncangan yang berpanjangan. “Domir” itu menurut Malek Bennabi adalah “simpulan kejiwaan bagi sejarah, atau konklusi bagi peristiwa-peristiwa lampau yang membekas pada diri manusia. Ia adalah cerminan tradisi, persiapan dan perasaan (estetika).”

Adapun periode naluri seperti keadaan umat Islam sekarang, dan semenjak beberapa kurun, adalah petanda “zaman keruntuhan yang ditinggalkan oleh faktor-faktor kejiwaan yang turun dari pimpinan roh dan akal. Selagi manusia mengikut arahan roh dan akal menuju kebaikan peradaban, maka potensi itu akan tersimpan di bawah alam sadar. Namun, sekali pengaruh roh dan akal sudah tidak seberapa, maka pengaruh naluri akan bangkit dari tempat persembunyiannya. Dan ia akan membekas kepada tingkah laku masyarakat dan individu seperti yang berikut:

Pertentangan antara akal dan “domir” semakin dahsyat, kerana “pada periode ini ilmu yang ada akan berubah menjadi pendorong melakukan sesuatu yang tidak mengandungi nilai-nilai kemanusiaan dan kemasyarakatan; sementara jurang antara ilmu dan “domir” terus melebar sedikit demi sedikit.

Kebudayaan menjadi beku, lemah, jumud, negatif dan memiliki sikap menerima penjajahan dan penyakit-penyakit kebudayaan yang lain.

Hilangnya sikap aktif daripada tingkah laku individu dan masyarakat.

Penumpuan faktor-faktor kejiwaan yang negatif di alam bawah sadar sedangkan pengaruh roh dan akal terus berkurangan. Keadaan ini membuat naluri merajai tindak-tanduk.

Menurut keterangan terdahulu yang mengatakan setiap periode perubahan dalam masyarakat selalu bergantung pada sahsiah individu dan tingkah laku masyarakat, namun soalan penting di sini adalah sebagai yang berikut:

Pertama: Sekiranya gerakan dan perubahan sosial tunduk kepada “putaran kemestian” ini sebagaimana diyakini Malek Bennabi dan tindak-tanduk masyarakat tunduk kepada tabiat periode masing-masing —lantas apakah pemikiran, tingkah laku, budaya, nilai-nilai, tradisi menjadi terbatas pada individu dan masyarakat melalui unsur-unsur positif dan negatif periode yang dilaluinya? Dan adakah ini bererti menafikan peranan “kehendak” manusia untuk berubah, begitu juga peranan pendidikan yang disengaja?

Semua masalah ini juga yang dihadapi teori Marxisme sebelumnya dikategorikan oleh Malek Bennabi ke dalam teori “kehendak untuk berubah” yang ditetapkan oleh al-Quran melalui ayat di bawah ini:

إِنَّ اللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّى يُغَيِّرَ و مَا بِأَنْفُسِهِمْ

“Sesungguhnya Allah tidak mengubah keadaan suatu kaum selagi kaum itu sendiri tidak (berusaha) mengubah keadaan mereka.”

(Surah al-Ra’d: 11)

Berhubungan dengan masalah ini, Malek Bennabi berkata: “Graviti adalah suatu aturan selagi akal mengaitkannya dengan kemestian peralihan di daratan dan lautan. Manusia tidak akan terlepas dari kemestian ini dengan menghapuskan aturan tersebut, tetapi dengan perubahan bersyarat yang bersifat azali dengan alat-alat yang baru yang mampu menjelaskan tentang terjadinya benua dan angkasa sebagaimana dilakukan pada hari ini. Jika eksperimen ini berguna kepada kita, maka sesungguhnya aturan alam tidak dibentangkan di hadapan manusia hanya sekadar orang yang suka cabaran yang mendorongnya melakukan usaha yang sungguh-sungguh untuk melepaskan dirinya dari pengertian yang sempit dan dogmatik.”

Dengan ini, dapatlah “meluruskan pengertian perubahan sosial dari dikaitkan dengan sebab-sebab tertentu seperti pandangan yang popular bagi sesetengah ilmuwan, antara lain Toynbee, yang berpendapat bahawa apa pun yang berlaku dalam sejarah adalah sesuai dengan sebab-sebab periodikal. Jika dibiarkan pun, hal itu akan berlaku seperti itu.”

Oleh itu, memasukkan aturan perubahan sosial yang dikemukakan oleh al-Quran terhadap masalah ini, dapat melenyapkan pertentangan-pertentangan “kerana periode-periode yang dapat menerima perubahan yang sesuai dengan tabiatnya akan menjadi periode yang dapat menerima perubahan, bahawa kemestian yang berkait dengannya menjadi ikhtiar yang sudah tertanam di dalam hati.”

Dengan kata lain, bahawa aturan “sesungguhnya Allah tidak mengubah keadaan suatu kaum selagi kaum itu tidak mengubah keadaan mereka” menunjukkan bahawa adanya “kehendak manusiawi” sama ada ia berusaha melenyapkan hal-hal yang negatif dan mengambil hal-hal yang positif dalam pemikiran, kebiasaan, tingkah laku, atau sistem nilai terpulung kepada ikhtiarnya. Oleh itu, adalah mungkin berlaku perubahan bermula dengan mengubah individu: “iaitu perubahan yang merupakan syarat penting bagi tiap-tiap perubahan sosial.”

Pengertian ini, menurut Malek Bennabi mengandungi pengertian spesifikasi asas yang menjadi sifat manusia yang memiliki kebebasan yang bertanggungjawab atas semua tindakannya, atau perbuatan yang dipilihnya sendiri. Oleh itu, individu adalah asas perubahan tersebut, dan perubahan sosial tidak akan berlaku jika tidak didasarkan kepada hakikat pendidikan ini — bukan faktor etnik atau politik, walaupun tidak dinafikan faktor etnik dan politik mempunyai pengaruh terhadap perubahan sosial, namun faktor etika, estetika dan teknologi adalah lebih penting.

Maka sesungguhnya usaha perubahan terhadap institusi atau peraturan yang tidak dimulai dari perubahan manusianya pasti menemui kegagalan. Malah, suatu revolusi perubahan akan tetap menjadi “igauan” kosong jika tidak mengambil kira hakikat ini. Begitu juga halnya dengan proses peralihan kuasa politik, penyusunan semula pengurusan, mempersiapkan negara, pertukaran pekerja atau pembaharuan sistem ekonomi. Perubahan luaran seperti itu, termasuk memberi hak-hak rakyat, penyerahan jawatan penting kepada anak watan, iaitu jawatan yang lazimnya dipegang oleh kaum penjajah, penukaran huruf rumi kepada huruf Arab pada setiap papan tanda yang ada pada semua kedai adalah perubahan luaran dan sekadar menyedapkan mata memandang dan tidak akan bertahan lama selagi faktor manusianya belum berubah, sepenuhnya dilihat dari aspek iaitu sistem nilai, pemikiran, tingkah laku dan ucapannya. Untuk mencapai perubahan yang sebenar hendaklah menjadikan faktor manusia sebagai titik tolaknya.

Lantas, perbincangan tentang sebab-sebab yang boleh menghalang usaha perubahan mungkin dapat mendorong minat serta mengarahkan tindakan ke arah perubahan yang dimaksudkan. Maka sebab-sebab itu perlu dibuang dari jiwa dan celah-celah kehendak untuk berubah. Dan seterusnya dapat mengubah sifat-sifat negatif menjadi sifat positif. Berdasarkan teori ini dapatlah difahami betapa pentingnya aspek pendidikan untuk melaksanakan perubahan sosial ke arah yang diinginkan.

Bertolak dari itu semua, perbandingan antara teori “lingkaran perubahan” dan perubahan berdasarkan kehendak manusia sudah jelas sebagai gagasan pendidikan yang dikemukakan Malek Bennabi yang menjadi asas perubahan sosial seperti yang akan disebutkan:

Ketiga: Asas Pendidikan bagi Mengarahkan Perubahan

- Keutamaan pendidikan sosial bagi perubahan dan peradaban.
- Masyarakat sebagai ejen perubahan.
- Menanamkan nilai-nilai yang baik dan membuat iklim yang sesuai bagi usaha perubahan sosial.
- Keterlibatan sebagai nilai asas dalam perubahan.
- Komunikasi dan bahasa yang bersifat mendidik.
- Ilmu dan pengajaran.
- Pemikiran dan perubahan sosial.
- Keutamaan pendidikan sosial bagi perubahan dan peradaban.

Pertama, mengenal pasti period perubahan dan duduk persoalan. Setiap masyarakat mempunyai suasana dan masalah yang berbeza antara satu masyarakat dengan masyarakat lainnya serta pelbagai. Masyarakat manusia sekarang kata Malek Bennabi menghadapi pelbagai persoalan yang berlainan sesuai dengan realiti yang berbeza dalam masyarakat tersebut atau dengan periode berlakunya persoalan itu.

Maka untuk menyelesaikan suatu persoalan, menurut lagi mestilah disesuaikan antara usaha dengan keadaan dan zaman berlakunya persoalan masyarakat berkenaan. Kenyataan ini mengambil kira posisi kita dalam putaran sejarah, selain mengenal pasti faktor-faktor yang menyebabkan kita mundur dan mengetahui potensi-potensi yang dimiliki untuk melangkah maju.

Oleh itu, “tidak seharusnya kita meletakkan asas kaedah pemecahan persoalan atau ejenda yang akan dilaksanakan tanpa mengambil kira posisi dan keadaan umat. Malah, adalah satu kemestian memadukan perkara-perkara seperti pemikiran, emosi, pandangan dan perancangan dengan tuntutan periode umat tersebut.”

Mengimport formula dari Timur atau Barat sebenarnya tidak banyak membantu, malah hanya akan melenyapkan kesungguhan dan memperbanyakkan penyakit yang sudah ada. Apa juga jenis dan bentuk peniruan dalam hal ini merupakan suatu kejahatan dan tindakan bunuh diri.

Kita juga harus dapat membezakan antara persoalan manusia yang berada “di tepi luar lingkaran peradaban” sebagaimana halnya umat Islam sekarang dan manusia yang telah “melalui peradaban”, begitu juga manusia yang “masuk dalam peradaban.”

Umat Islam hari ini sedang berada dalam periode luput dari peradabannya “dan belum bersedia menerima dan melakukan tindakan yang berperadaban (Oeuvre Civilisatrice) sebelum ia berubah secara mendasar.”

Keutamaan Pendidikan Dalam Periode Peradaban

Sesungguhnya periode peradaban dan masalah-masalah masyarakat menurut Malek Bennabi tidak sama keutamaan pendidikannya antara satu masyarakat dan masyarakat lainnya. Masyarakat yang kosong dari keadaan yang berperadaban sama ada kerana ia terdahulu dari periode masuknya peradaban seperti masyarakat jahiliah sebelum kedatangan Islam atau masyarakat yang telah terkeluar dari lingkaran peradaban seperti keadaan umat Islam dewasa ini sangat memerlukan pendidikan sebagai asas untuk melakukan perubahan sosial.

Ini kerana manusia yang telah kehilangan roh pengubah, nilai-nilai keterlibatan serta kemahuan untuk berubah akan berdepan dengan masalah yang timbul dari dalam dirinya sendiri.

Hal ini memerlukan pembentukan semula, meluruskan kehendak dan nilai serta meniupkan roh perubahan.

Masalah yang dihadapi masyarakat Arab dan Islam pada hari ini adalah soal pendidikan di tahap pertama yang menyangkut individu untuk kembali kepada pimpinan roh dan sikap keterlibatan — kemudian menyangkut masyarakat —sebagai bekal melakukan reformasi dan transformasi.

Jika kita bandingkan faktor psikologi dan pendidikan antara orang Eropah — khususnya pada masa penjajahan — dan umat Islam hari ini, maka kita dapati yang pertama (Eropah) penuh dengan semangat dan percaya kepada diri sendiri; sementara yang kedua (kaum Muslimin) masih berada dalam suasana memprihatinkan serta pendidikan yang penuh dengan kelemahan dan kekacauan, negatif dan mundur, serta menghidap penyakit kurang yakin pada diri sendiri dan bersikap menerima penjajahan.

Dengan itu, jelaslah yang pertama berada dalam keadaan positif dan memberi kesan serta “bias” yang positif pula kepada masyarakatnya; sedangkan yang kedua berada dalam keadaan negatif yang tidak memberi makna apa-apa kepada masyarakatnya.

Justeru itu wajar apabila didapati orang Belgium di Eropah, misalnya, melalui hidup dalam suasana pertentangan antara “keperluan-keperluannya” dan “aliran produksi”. Keadaan ini merupakan akibat langsung dari tiadanya keseimbangan ekonomi di sana. Inilah masalah sosial yang oleh Malek Bennabi namakan dengan “masalah gerakan”, manakala fenomena kegoncangan manusia di Dunia Islam adalah alpanya keseimbangan dalam bentuk yang lain yang Malek Bennabi namakan sebagai “masalah kelembapan.”

Masalah pertama timbul akibat adanya keperluan yang tidak terpenuhi dalam struktur dinamika yang tempang, manakala masalah kedua timbul kerana wujudnya “tradisi-tradisi yang lembab (pasif)” yang juga meletakkan manusia berada dalam keadaan benar-benar tiada keseimbangan.”

Masalah pertama tadi memerlukan pemecahan yang berkaitan dengan pemulihan “institusi-institusi” sebagai langkah pertama; manakala masalah kedua memerlukan pemecahan yang berkaitan dengan “pendidikan dan pengkaderan” manusianya sendiri, yakni mempersiapkan jenis manusia yang sedia berkhidmat kepada tanah air, berkorban waktu dan menggunakan setiap potensi dan bakat” untuk mewujudkan gerakan dan meluaskan perubahan peradaban dengan pendekatan yang maju dan terancang.

Selanjutnya, untuk mengenalpasti masalah asas dalam suatu masyarakat mesti dihubungkan dengan period peradaban masyarakat itu sendiri. Maka, pendidikan perubahan menjadi lebih penting lagi bagi masyarakat yang sedang ditimpa kelembapan jiwa atau masyarakat yang mengalami masalah kehilangan fungsinya sebagai manusia berwawasan.

Bertolak dari penjelasan terdahulu maka terdapat pelbagai pendekatan atau metode pendidikan yang berpijak pada suasana dan realiti kehidupan masyarakat berkenaan.

Pendekatan secara “berperingkat” misalnya, merupakan pendekatan pendidikan yang dilaksanakan oleh gerakan perubahan sosial Islam dari dahulu, — menurut Malek Bennabi —walaupun terkadang ia bertentangan dengan pendekatan yang lazim dalam pendidikan sosial. Oleh yang demikian dapat dilihat pada pelaksanaan sistem yang berperingkat dalam pengajaran al-Quran sesuai dengan waktu berlakunya suatu peristiwa dalam hidup kaum Muslimin waktu itu.

Kerana, bagi tiap-tiap sesuatu ada waktu yang sesuai mempelajarinya; dan jika tidak demikian maka sukar bagi manusia untuk memahaminya, tidak mudah masuk ke dalam hati dan jiwanya. Maka al-Quran itu sendiri ditanzilkan mengikut kejadian yang ada dalam ruang lingkup hidup manusia itu sendiri atau realiti yang meliputinya. Dan sekiranya al-Quran ditanzilkan sekali gus, nescaya ia hanya akan menjadi pengajaran kudus atau gagasan yang tidak diendahkan atau berupa dogma yang sama sekali tidak berupaya melahirkan peradaban.

Sorotan kita terhadap tahap serta peringkat penurunan wahyu di sini adalah agar kita melihat nilai-nilai pendidikan yang ada padanya. Sebenarnya, cara inilah satu-satunya cara dan pendekatan pendidikan yang diyakini dapat melahirkan peradaban.²⁹

Sesungguhnya falsafah pendidikan perubahan sosial atau sistem pendidikan yang bertujuan untuk perubahan dan pembinaan semula mestilah lebih dahulu mengenal pasti tuntutan periode hidup masyarakat tersebut, kerana usaha mengatasi apa jua masalah mesti mengambil kira faktor-faktor kejiwaan (material-spritual) yang diakibatkan pemikiran tertentu yang menjadi titik tolak kepada usaha-usaha kebangkitan sosial.³⁰

Oleh itu, bagi tiap-tiap periode mempunyai persoalan yang berlainan antara yang satu dengan yang lainnya, yang menyebabkan adanya perbezaan antara persoalan yang dihadapi di sana dengan persoalan yang dihadapi di sini.

Oleh sebab itu, terdapat perbezaan yang ketara menurut Malek Bennabi antara masalah-masalah yang kita boleh pelajari dari putaran masa dalam Islam dan masalah-masalah yang boleh kita pelajari dari putaran masa di Barat.

Seterusnya, untuk mengatasi pelbagai masalah itu mestilah bertitik tolak dari suasana dan keperluan periodenya. Strategi pendidikan yang dituntut oleh Dunia Membangun sepatutnya mengambil kira apa yang diperlukannya sebagai bekal untuk melangkah ke dunia berperadaban. Dan inilah yang sudah dilakukan di Algeria, menurut Malek Bennabi untuk memenangkan revolusinya, kerana “ia telah berjaya dalam bidang pendidikan yang mengambil kira faktor insan bagi menuju suatu peradaban dan pada waktu yang sama ternyata persiapan-persiapan yang dibuat mengetepikan sistem pendidikan yang lain, kerana sistemnya menekankan faktor rohani (dalam) manusia seperti yang dirumuskan dalam Perjanjian Tripoli.”³¹

Malek Bennabi menyifatkan periode yang umat Islam hadapi hari ini sebagai periode atau dekad keruntuhan budaya, maka untuk mengatasi keruntuhan tersebut tidak akan berjaya dengan semata-mata melaksanakan sistem pendidikan sosial yang menekankan aspek kemajuan dalam bidang sains dan teknologi, tetapi haruslah ada sistem kemasyarakatan yang menyeluruh sifatnya, sistem yang mampu mengatasi masalah manusia dalam pelbagai aspeknya, iaitu rohani, akhlak, kemasyarakatan, politik dan ekonomi.

Untuk sampai ke dalam periode peradaban dengan pengertian “kemanusiaan yang tinggi” mestilah lebih dahulu diwujudkan sistem kemasyarakatan yang terbaik. Barangkali kealpaan atau kesamaran pengertian Malek Bennabi dalam hal ini timbul dari pengertiannya yang menyamakan “peradaban” dengan “kemajuan” sebagaimana akan kita jelaskan selepas ini.

Masyarakat Sebagai Ejen Pendidik

Terdapat hubungan yang erat antara individu dan masyarakat sekelilingnya. Oleh itu, faktor lingkungan, sama ada negatif atau positif, akan turut mewarnai pemikiran, kejiwaan dan nilai-nilai individu, kerana ia berinteraksi secara berterusan dengan dunia di sekitarnya.

Oleh itu, sesama ahli masyarakat berlaku proses saling belajar-mempelajari atau tiru-meniru antara satu sama lain dan mereka akan turut terpengaruh dengan keadaan di sekeliling mereka. Pengaruh tersebut terkadang dapat menggoncang sebahagian nilai dan kecenderungan mereka dan terkadang pula dapat menumbuhkan nilai dan kecenderungan yang lain.

Sebagai contoh, kanak-kanak Eropah yang tinggal di lingkungan penjajahan akan membesar bersama keseratan idea dan pemikiran “bagaimana hendak menunaikan kewajipan terhadap tanah airnya, untuk mengekalkan penjajahan itu termasuk dalam bidang ketenteraan. Hal ini dapat dilihat di tanah jajahannya di Asia dan Afrika dan sememangnya mereka selalu disogokkan dengan nilai-nilai tersebut supaya meresap ke dalam jiwa mereka. Malek Bennabi berkata: “Sebelum atau sesudah berada di sekolah rendah, mereka diberi bahan bacaan berupa majalah khusus untuk kanak-kanak.”³²

Salah satu daripada ejenda utama usaha perubahan sosial, menurut Malek Bennabi — dalam masyarakat yang mundur adalah penekanan untuk bertindak menangani lingkungan yang terbiar dan seterusnya berusaha menjadikan lingkungan tersebut sebagai ejen pendidik.

Apabila ejen itu sudah terbiasa pasif dan diam maka usaha untuk berubah yang berikutnya memerlukan gelombang yang baru, sebab “apabila masyarakat itu tinggal dalam keadaan diam membisu maka jiwa individu-individunya pun akan merasa tenteram; tiada yang mampu mengubah atau menggerakkannya, maka perubahan dan pergerakan yang berlaku di sekelilingnya berjalan di luar kawalannya.”³³

Masyarakat yang terdedah kepada gerakan dan perubahan dengan sendirinya akan mengubah posisinya. Apabila ejen itu pembentukan sikap itu sebenarnya melalui proses berdepan dengan pelbagai kejadian, maka “individu yang sebelumnya terikat dalam kepasifan akan bangkit kerana gerakan sekeliling turut merangsang untuk mengeluarkan potensi dan kemampuan yang tersembunyi dalam dirinya.”

Ini adalah prasyarat yang ditanam ke dalam jiwa masyarakat untuk dapat menggerakkannya; seterusnya akan terikut pulalah individu bergerak bersama dunia sekelilingnya sesuai dengan teori hukum gerakan yang dinamakan “pengiktirafan umum” yang banyak menentukan reaksi mereka terhadap pelbagai masalah yang timbul.³⁴

Revolusi Cina juga berlaku seperti demikian menurut Malek Bennabi yakni tunduk kepada logika alam ketika ia hendak mengubah kongkongan “taklid” yang lazim di negeri itu. Jika dibandingkan bentuk taklid bangsa Cina dan keadaan yang berlaku selepas revolusi, maka jelas berlaku perubahan yang ketara pada masyarakat Cina selepas revolusi. Contohnya, setelah revolusi, pakaian penjual roti di sana berwarna putih bersih dan acuan rotinya bulat yang diperbuat dari tembaga. Menurut Malek Bennabi, hal tersebut menunjukkan betapa perubahan sosial memberi kesan kepada sikap dan tingkah laku individu.

Perubahan tingkah laku orang Cina itu, walaupun hanya sebahagian kecil sahaja disebutkan di sini, menggambarkan adanya peralihan yang menyeluruh pada bahagian-bahagian tingkah laku lainnya dan setiap bahagian akan masuk ke dalam proses perubahan sama ada ke arah negatif atau positif yang mendorong kepada tegaknya budaya tertentu; kerana semua bahagian yang remeh atau yang biasa akan tersebar di dalam lingkungan pertumbuhan manusia dan kanak-kanak akan membesar ke arahnya kerana keadaan itu telah wujud sejak lahirnya dan hidup bersamanya hingga ke hari tuanya. Maka adalah wajar hal-hal tersebut, dalam batas-batas tertentu, turut membentuk dan mewarnai keperibadiannya.³⁵

Oleh sebab itu, itu, maka terdapat kaitan yang argumentatif di antara perubahan manusia dan perubahan budaya dan sosial. Sesungguhnya “apa jua perubahan luaran dalam fenomena hidup, sama ada pada susunan atau bentuk, secara automatik akan turut mengubah dimensi dalaman kita.”³⁶

Faktor budaya dan sosial memiliki saham yang amat besar untuk menumbuh dan meningkatkan wawasan individu. Menurut Malek Bennabi “nasib seseorang telah ditetapkan sebelum ia dilahirkan ke dunia, yakni ditentukan oleh unsur-unsur sekelilingnya, sama ada yang berkaitan langsung dengan dirinya atau yang berkaitan dengan keluarganya dan pada waktu yang sama ia tidak terlepas dari keadaan yang wujud dalam masyarakat.” Dengan demikian, pengaruh masyarakat menurut Malek Bennabi —turut menentukan perkembangan bakat semula jadi individu, begitu juga faktor sejarah dan geografi, dua faktor terpenting berbanding bakat dan potensi. Maka bakat dan potensi semula jadi banyak ditentukan oleh faktor dari luar dirinya, sama ada pengaruh positif atau sebaliknya.³⁹

Sesungguhnya peradaban, menurut Malek Bennabi merupakan moral dan material yang membolehkan masyarakat tertentu memajukan setiap individu dari pelbagai tingkatan sosial sejak dari kecil hingga ke tua, memberi pertolongan asas yang sangat diperlukan.

Kewujudan kemudahan sekolah, makmal, hospital, komunikasi dan keamanan dalam semua aspeknya di seluruh negeri, juga sikap yang menghormati kebebasan seseorang adalah gambaran mudah tentang bentuk-bentuk kemudahan yang dapat disumbangkan oleh masyarakat yang maju kepada setiap individu yang memang amat memerlukan.⁴⁰

Berdasarkan yang demikian maka bolehlah dikatakan bahawa semua jenis hasil sains dan teknologi pada zaman kemajuan yang dinikmati masyarakat kini bukanlah basil kegeniusan individual, melainkan buah yang dihasilkan oleh suatu peradaban.⁴¹

Ruang Kerja Penjajahan dan Penghapusan Prinsip Individu

Malek Bennabi telah mencatatkan hal penting tentang pengaruh pendidikan yang dilaksanakan oleh penjajah Perancis di Algeria yang menyelitkan unsur-unsur negatif dalam pembentukan lingkungan dan kemasyarakatan. Usaha ini bermaksud menjadikan individu terpengaruh melalui pendidikan dan pembentukan model kemasyarakatannya, untuk melemahkan prinsip dan nilai-nilainya. Keadaan itu diistilahkan oleh Malek Bennabi sebagai “ruang kerja penjajahan” (coefficient).

Penjajah berusaha menghapus nilai-nilai kekeluargaan menerusi kesenian (nyanyian) supaya nilai-nilai tersebut lemah. Cara ini mereka tampilkan di hadapan setiap orang hingga menyerap dalam setiap aspek hidup secara perlahan-lahan sejak kanak-kanak kerana masyarakat tidak memberi sesuatu yang dapat menguatkan tubuh badannya, menumbuhkan pemikirannya, atau menyediakan sekolah dan pengarahan. Keadaan ini terjadi kepada kanak-kanak yang mempunyai ibu bapa.

Adapun kanak-kanak yang tidak mempunyai ibu bapa dalam pertumbuhannya maka keadaannya tentu lebih memprihatinkan, menjadi anak penggila kasut atau pengemis. Sekiranya ia mampu melepasi kesulitan ini dan berpeluang duduk di bangku sekolah, masih banyak kesulitan lain yang mesti dilaluinya.⁴²

Demikianlah ruang kerja yang dilakukan penjajah untuk membentuk lingkungan sosial yang sarat dengan unsur-unsur negatif untuk menghalang pertumbuhan dan kemajuan individu sekali gus masyarakat. Penjajah mereka-reka suatu sistem dan pendekatan agar anak jajahannya menurut penelitian Malek Bennabi takut mengembangkan bakat dan potensi untuk mencapai kemajuan.⁴³

Sesungguhnya sistem yang demikian, dalam masa yang singkat, telah menjadi sistem pendidikan yang amat merosak. Inilah sebabnya Malek Bennabi menumpukan perhatian dalam bidang ini, lebih dari perhatian yang diberikannya kepada soal pemerintahan, kerana beliau yakin bahawa “pemerintahan tidak lebih dari sekadar alat masyarakat yang akan berubah mengikut perubahan masyarakatnya, Justeru itu, masyarakat yang bersih-bebas tidak akan dapat dikalahkan oleh pemerintah betapapun kuatnya.”⁴⁴

Maka masyarakat, dengan segenap kekuatan yang ada padanya, merupakan alat paling berkesan bagi pendidikan perubahan dan meluruskan tingkah laku rakyat umum. Kenyataan ini juga telah disebutkan oleh 'Afifi: "Kami melaksanakan kerja-kerja pendidikan dengan mengubah suasana tempat seseorang itu tinggal; kami juga mengubah lingkungan dengan cara mengubah individu melalui perhubungan yang erat antara individu dan kebudayaan."⁴⁵

Menukar Persekitaran atau Menukar Manusia?

Jika menukar persekitaran penting sebagai asas bagi pendidikan, pertumbuhan dan kemajuan individu, maka apakah yang demikian bererti penyelesaian terletak pada pembentukan institusi-institusi sosial dan bukan pada pembentukan individu? Untuk menjawab soalan itu, Malek Bennabi membezakan dua keadaan:

Keadaan yang padanya dituntut perubahan persekitaran dan institusi-institusi sosial lebih banyak berbanding penumpuan terhadap perubahan faktor manusianya.

Keadaan yang padanya dituntut penumpuan lebih banyak mengubah faktor manusianya berbanding penumpuan terhadap perubahan persekitaran dan penubuhan institusi.

Contoh keadaan pertama ialah seperti perubahan yang berlaku pada Revolusi Perancis; manakala keadaan yang kedua seperti perubahan yang berlaku pada Revolusi Rusia.

Revolusi Perancis, misalnya, telah meletakkan manusia sebagai saranan politik untuk mengubah organisasi dan institusi yang sudah ada menjadi institusi dan organisasi yang baru dan mempunyai sistem dan peraturan yang baru.

Manakala revolusi seperti Revolusi Rusia meletakkan manusia sebagai saranan kejiwaan untuk melakukan perubahan secara mendasar terhadap faktor manusianya sendiri.

Perbezaan ini adalah kerana budaya dan peradaban Perancis tidak memerlukan perubahan besar-besaran pada faktor manusianya tetapi hanya pada faktor sosial dan suasana yang mengelilinginya; sementara Rusia sebelum revolusi memerlukan perubahan secara drastik terhadap sahsiah berbanding sebarang perubahan yang bersifat luaran.⁴⁶

Berbalik kepada realiti masyarakat Arab Islam, maka masalah yang utama ialah mengubah faktor manusianya, bukan faktor lingkungannya.

Perubahan faktor manusia di negara Arab Islam lebih utama kerana tong-tong sampah yang kosong masih dapat kita lihat di tepi-tepi jalan padahal di sekelilingnya terdapat banyak sampah adalah bukti yang nyata bahawa usaha mengatasinya tidak akan berjaya dengan menambah bilangan tong sampah, kerana masalah kita bukan pada soal kemudahan alat dan jumlahnya, tetapi adalah kurangnya pendidikan manusianya, “manusia yang hidup pada masa sebelum berperadaban, manusia yang lebih memerlukan ubat untuk dirinya berbanding hal-hal lainnya, maka keperluan yang mendesak baginya adalah usaha mengubah sahsiahnya.” Meskipun demikian, pandangan ini bukan bererti Malek Bennabi menutup matanya terhadap faktor budaya, sosial dan kebendaan sebagai asas untuk melakukan perubahan dan pembangunan insan.



Menanamkan Nilai-Nilai Baik dan Usaha Perubahan Sosial

Nilai-nilai yang baik di sini adalah kesedaran manusia bahawa hidup ini mempunyai tujuan serta matlamat yang penting dan mulia.

Tanpa ada nilai-nilai ini, sama ada pada perseorangan atau kemasyarakatan, maka hidup ini akan dihadapi dengan pandangan yang tidak pasti dan amat membahayakan individu dan masyarakat.

Individu yang tidak mempunyai tujuan serta matlamat hidup akan mudah terperangkap ke dalam penyakit “tension” yang terkadang mendorongnya melakukan tindakan yang negatif seperti bunuh diri atau memasuki tariqat ; manakala orang yang mempunyai tujuan serta matlamat yang jelas dalam hidupnya akan melalui hidup ini dengan yakin dan bersemangat. Maka matlamat dan motivator dekat atau jauh yang ada pada individu hingga fikiran dan jiwanya penuh dengannya akan menjadikan dia lebih cergas dan rajin, meletakkan dirinya di dalam keadaan positif kerana kesiapan yang ada pada diri melahirkan tindakan yang efektif.

Seorang sahabat bernama ‘Ammar bin Yasir yang melipat gandakan kerjanya ketika membina masjid pertama dalam Islam. Tujuan dan matlamat penting serta mulia itu telah memberi semangat hidup baginya kerana dia mempunyai kesedaran yang istimewa.

Seorang pekerja komunis, Stakhonov, melebihi pada tahun-tahun perancangan pertama, 1928, pencapaian Taylor dalam produktiviti hariannya kerana dia mampu menghasilkan sepuluh alat penimbang dalam sehari, disebabkan semangat dan ghairah kerjanya yang tinggi.⁵⁰

Kedua-dua contoh ini menunjukkan adanya peringkat “ghairah” hidup yang lahir dari adanya matlamat serta tujuan, yang memberi semangat dan seterusnya meningkatkan produktiviti seseorang.

Contoh lain tentang semangat hidup yang berkaitan dengan individu adalah cerita seorang wanita yang telah terdidik dalam lingkungan masyarakat Islam awalan, wanita yang sudah tercatat namanya dalam sejarah kerana secara sukarela telah mengakui kesalahan yang telah dilakukannya dan meminta supaya dilaksanakan hukuman ke atasnya meskipun dia sedar hukuman tersebut amat berat.⁵¹

Dalam bidang intelektual, kita dapat melihat kesungguhan yang luar biasa telah ditunjukkan oleh imam-imam mazhab, mereka berfikir semaksimum mungkin untuk memenuhi keperluan umat. Malah, menurut Malek Bennabi, semangat tersebut merupakan satu tanda di antara tanda-tanda kemampuan yang besar pengaruhnya bagi perubahan tingkah laku dan prinsip.

Seorang wanita malang yang menangisi kematian anak-anak dan saudara kandungnya akan berhenti menangis dan menjadi wanita penyabar serta redha menerima kesyahidan saudara dan empat orang anak kandungnya sekali gus. Ini kerana jiwanya telah berubah dari kehampaan kepada ghairah yang selanjutnya menyebabkan dia benar-benar dapat menguasai pengertian kesyahidan. Dengan kata lain, dia telah beralih kepada "cita-cita yang lebih tinggi yang melahirkan perasaan "kekitaan" dan mengalahkan perasaan "keakuan", hingga rela tidak mendapat bahagian meskipun keadaannya miskin.⁵²

Adapun yang berkaitan dengan masyarakat ialah apabila masyarakat telah mengenal pasti matlamat kewujudannya bererti telah berlaku perubahan yang sangat besar dalam dirinya. Masyarakat Islam yang berada dalam keadaan penuh kreativiti, penyebabnya tidak lain kecuali kerana ajaran Islam yang mengatur cara hidupnya; dengan itulah mereka mampu melakukan sesuatu yang luar biasa dalam pelbagai bidang. Oleh itu, menurut Malek Bennabi menurut Malek Bennabi apabila "semangat dan ghairah mencapai matlamat mula padam secara beransur-ansur dan tidak lagi menjadi pendorong kepada jiwa, tangan dan akal maka dengan sendirinya dorongan untuk hidup telah pun sirna; secara perlahan-lahan pula lenyaplah ketinggian dan kemuliaannya, hilanglah hal yang mampu mencungkil potensi, bakat serta kemampuan sosialnya. Akhirnya jadilah matlamat masyarakat Islam sebagaimana matlamat binatang yang diberi sedikit "warna" kemanusiaan, sebagaimana halnya falsafah hidup penduduk di utara Afrika yang apabila salah seorang dari mereka ditanya apa tujuan hidupnya, lalu ia menjawab: "Kita perlu makan, kemudian kita menunggu mati."⁵³

Sesungguhnya masyarakat yang sudah sampai ke tahap kealpaan matlamat sama ertinya mereka telah berada dalam keadaan jumud, negatif, tidak peduli dan hilang keupayaan untuk bangkit, berubah dan maju. Dan beginilah realiti masyarakat kita sekarang, hidup dalam belenggu kemunduran, tidak mampu melahirkan matlamat yang dapat membangkitkan kekuatan masyarakat dan mendorong rakyat untuk berusaha ke arah peradaban dan membentuk struktur sosial yang utuh serta padu.

Apabila matlamat telah terpahat di hati, menguasai akal dan jiwa individu dan masyarakat, maka dengan sendirinya ia akan menjadi motivator untuk mencapai tujuan dan matlamat yang menggalakkan tindakan, keaktifan dan menyegerakan pelaksanaan.

Usaha yang sepatutnya dilaksanakan oleh mereka yang bertanggungjawab dalam pendidikan dan menunjuki rakyat ialah kesungguhan mewujudkan matlamat yang dapat menggerakkan individu dan masyarakat; dan jika ini tidak wujud maka sebagai gantinya akan tumbuh faktor negatif yang amat berbahaya kepada individu dan masyarakat.

Untuk mewujudkan nilai-nilai baik dan matlamat ini maka boleh diambil pengajaran dari sejarah serta warisan masyarakat selain memanfaatkan nilai-nilai yang baru, bertujuan untuk membentuk pendorong yang mampu menggerakkan keaktifan ke tahap yang optimum.⁵⁴

Barangkali idea pendidikan seperti ini sangat sesuai ditekankan kepada masyarakat yang mundur serta dikalahkan; memasukkannya ke dalam jadual kerja ketika mendidik kanak-kanak, pemuda serta yang sudah lanjut usia, sama ada kaum lelaki atau kaum wanita, yang duduk di bangku sekolah atau yang bukan, melalui apa juga alat kemudahan mengajar dan mendidik.

Selanjutnya, pendidikan kita perlu menekankan nilai-nilai baik dan matlamat dalam masyarakat, begitu juga menanamkan budaya berfikir supaya sehati dengan jiwa sehingga menimbulkan semangat hidup individu dan masyarakat. Boleh dikatakan bahawa inilah langkah pasti ke arah perubahan.

Walau bagaimanapun, menurut pandangan kami, hal tersebut hanya akan berjaya jika disertai ideologi yang bernaung di bawah wadah yang teratur dan dapat membantu masyarakat untuk merealisasikan tujuan mulia itu.

Pendidikan Gagasan Penyelamat

Idea dan gagasan ini ada hubungannya dengan gagasan yang pertama. Maka dalam masyarakat yang mundur, yang dikalahkan atau yang mendapat celaka, perlu ditekankan nilai pendidikan perubahan untuk menguatkan idea menyelamat serta melepaskan umat dari belenggu kejumudan menuju iklim dan suasana yang memungkinkan kebangkitan.

Maka menanamkan idea ini ke dalam masyarakat juga di bangku sekolah adalah perlu secara bersamaan dengan pendidikan kemasyarakatan, yakni kepada bangsa-bangsa di negara yang masih lemah, terjajah atau tertinggal. Oleh sebab usaha menggalakkan perubahan dan menyeru untuk meninggalkan realiti yang negatif akan menjadi, menurut Malek Bennabi sebahagian dari rancangan menyelamatkan individu.

Justeru itu, perlu lebih dahulu melenyapkan anasir-anasir buruk yang membelenggu bangsa-bangsa tersebut secara kejiwaan. Dan ini tidak dapat dilakukan melainkan mengalihkan posisi, mengubah berbagai-bagai hal dan berdiri tegak menghadapi segala kemungkinan, lalu mengarahkannya kepada matlamat yang jelas dan dekat dalam hati individu.

Sebahagian contoh yang ditampilkan Malek Bennabi tentang masyarakat (umat) yang diselamatkan tergambar dalam kehidupan kaum Bani Israil. Firaun telah memperlakukan mereka sedemikian keji dan hina. Maka Nabi Musa a.s. datang untuk menyerukan gagasan serta idea penyelamatan dan pembebasan ke dalam jiwa dan akal mereka. Nabi Musa menjelaskan kepada mereka betapa perlunya mereka memiliki “kebebasan jiwa” yang boleh menyebabkan mereka bangun menentang kezaliman yang dipaksakan ke atas mereka.

Bani Israil terpukau, akal mereka tercabar dan jiwa mereka tergugah ketika mendengar suara pembebasan buat pertama kalinya dilaungkan Musa dengan lantang di hadapan mereka. Laungan suara Musa itu membangunkan jiwa mereka yang sebelumnya beku dan pasrah, lalu timbul keinginan untuk bangkit dan bergerak. Timbullah kegelisahan di sana sini, kemudian Musa menjelaskan kepada mereka tentang peri pentingnya mereka berganding bahu bersamanya untuk berjuang mencapai kebebasan itu.⁵⁶

Idea dan gagasan ini telah memberi kesan dan pengaruh yang kuat terhadap pendidikan dan kemasyarakatan hingga manusia bercakap sesama mereka tentang pembebasan.

Keadaan yang serupa juga berlaku kepada masyarakat Jerman selepas Perang Dunia II. Malah dalam masyarakat lain pun, idea dan gagasan pembebasan berubah menjadi usaha pembebasan dan perubahan. Timbulnya gerakan sosial seperti ini berpunca dari keinginan yang kuat untuk berubah.

Keterlibatan Asas dalam Perubahan Sosial

Apabila kita bermaksud mengambil konsep “nilai-nilai” sebagai unsur yang menetapkan bagaimana seorang mempergunakan hidupnya, maka “keterlibatan” memerlukan jaminan bergerak, berfikir, bertindak laku dan beraktiviti bagi setiap orang. Keadaan ini akan membentuk suatu nilai yang dianggap “titik awal bagi urutan nilai” dalam pandangan Malek Bennabi. Maka “keterlibatan” tersebut merupakan hal yang mesti diwujudkan untuk mengubah masyarakat yang beku atau pasif, sebagai kayu pengukur sejauh mana pemikiran itu telah mempengaruhi tingkah laku individu dan masyarakat.

Apabila sampai masanya nilai ini dapat menggerakkan perubahan, maka untuk langkah berikutnya diperlukan pembiasaan “usaha yang logik” sebagai syarat utama keberkesannya, dan berdasarkan pengertian ini, Malek Bennabi telah memberinya pengertian pragmatisme Charles Peros — ketika membincangkan “tradisi keterlibatan” dan William James yang mengatakan pragmatisme berasal dari bahasa Yunani “pragma” bererti tindakan atau “turut terlibat” dalam sesuatu.

Malek Bennabi sekali lagi mensyaratkan tersebarnya “keterlibatan” sebagai usaha yang logik dalam hampir semua kegiatan manusia, sama ada dalam bidang pemikiran, ilmu atau tindakan merupakan pengaruh dari mazhab-mazhab pembaharuan (Aliran Lama) yang ajarannya ditumpukan pada soal-soal yang bersifat metafizik dari segi hujah kewujudan Allah SWT yang pada dasarnya tidak memberi faedah kepada tindakan orang-orang mukmin dalam usaha memulihkan fungsi agama terhadap sosial yang telah lama dilupakan itu.⁶¹

Pendidikan yang boleh melahirkan nilai-nilai keterlibatan atau membudayakannya dalam berfikir, bertindak laku dalam semua kegiatan individu dan jemaah mestilah menurut Malek Bennabi berpegang pada prinsip-prinsip yang berikut ini:

1. Menanamkan Prinsip Akhlak atau Moral

Keterlibatan sebagai nilai akhlak akan bertambah dengan bertambahnya prinsip akhlak yang merupakan penggerak tindakan manusia. Dengan itu, maka “keterlibatan masyarakat akan bertambah atau berkurang dengan bertambah atau berkurangnya pengaruh prinsip akhlak.

Maka sesungguhnya sikap seseorang terhadap suatu masalah ditentukan oleh prinsip tadi, yang membentuk syarat asas kepada perbuatan-perbuatannya, yang mengatur sedemikian rupa hubungan sesama individu hingga sesuai dengan maslahat umum.^{mata pelajaran}

Oleh itu, pendidikan yang menanamkan prinsip akhlak (etika) merupakan syarat pertama di antara syarat-syarat keterlibatan.

2. Investasi Bakat dan Kemampuan

Pendidikan untuk melahirkan keterlibatan tidak bererti tanpa investasi manusia dengan bakat-bakatnya, iaitu akal, gerak hati dan kemampuan anggota badan. Yang demikian adalah kerana “setiap kekuatan sosial pasti berpunca dari dorongan hati, arahan akal dan gerakan anggota-anggota badan. Semua kegiatan sosial pun berkomposisi unsur-unsur ini.⁶³ Oleh itu, tidak ada keterlibatan jika tidak melalui unsur-unsur tersebut.

3. Menciptakan Persekitaran Yang Positif

Sesungguhnya mempergunakan potensi dan kemampuan yang sedia ada seperti akal, gerak hati, anggota badan di samping adanya dorongan moral, barangkali, belum boleh dianggap mencukupi untuk melahirkan keterlibatan selagi suasana persekitaran sosial dan budaya tidak memungkinkan lahirnya keterlibatan individu.

Seorang mahasiswa dalam bidang perubatan berbangsa Arab, misalnya, yang belajar di universiti Eropah terkadang lebih tinggi IQ atau kecerdasan intelektualnya berbanding kawannya yang berbangsa Eropah itu sendiri dalam bidang yang sama-sama mereka ceburi. Namun, meskipun kedua-duanya belajar pada kuliah yang sama, menekuni mata pelajaran yang sama, tetapi ketika berkhidmat di tengah-tengah masyarakat, doktor berbangsa Eropah tadi, selalunya, lebih berkesan berbanding doktor yang berbangsa Arab disebabkan adanya faktor-faktor lain yang ada pada masyarakat Eropah tetapi tidak ada pada masyarakat Arab.⁶⁴

Perbezaan ini berpunca dari adanya perbezaan yang ketara dalam persekitaran mata pelajaran antara kedua-duanya. Oleh sebab faktor ini memberi kesan yang besar menurut Malek Bennabi untuk menimbulkan unsur gerakan yang mendorong manusia atau yang kita panggil dengan nama “keterlibatan”⁶⁵ tadi. Yang demikian kerana keterlibatan sosial “turut berperanan dalam pembinaan sahsiah melalui kecenderungan kejiwaan kepada unsur-unsur budaya tertentu yang diperoleh individu dari persekitaran sosialnya sebagaimana halnya binatang memperoleh unsur-unsur kehidupan melalui pernafasan.”⁶⁶

Oleh itu, maka “keterlibatan adalah ejen yang paling berkesan untuk melahirkan motivator paling kuat, pengarah paling berpengaruh dan tindakan paling efektif.”⁶⁷ Oleh sebab, jelaslah bahawa peranan sosial sebagai ejen pendidik adalah penting untuk melahirkan keterlibatan individu.

4. Menumbuhkan Kehendak Untuk Mencipta Sejarah

Menurut Malek Bennabi, untuk mewujudkan keterlibatan itu mestilah berdasarkan “pengetahuan bahawa sejarah bukanlah patukan yang ‘mesti’ dipatuhi manusia, tetapi ia adalah hasil ‘kehendak’ manusia.” Di sini perlulah pendidikan sejarah yang mendalam serta positif yang memungkinkan kita “dapat memandang sejarah bukan sebagai hasil teori semata-mata tetapi hasil praktikal yang berhubungan dengan tindak-tanduk kita dalam hidup, yang dapat menetapkan sikap kita ketika berdepan dengan pelbagai kejadian dan seterusnya ketika berdepan dengan masalah-masalah yang timbul darinya.

Sejauh mana kita mengenal pasti sebab-sebabnya, kemudian kita nilaikan dengan barometer yang tepat, maka kita akan melihat di dalamnya hal-hal yang membangkitkan kemahuan dan tindakan kita.

Sejauh mana kita dapat menyingkap rahsia-rahsianya, kemudian kita berusaha menguasainya, bukan ia menguasai kita. Oleh sebab pada ketika itu kita mengerti bahawa sebab-sebab yang melahirkan sejarah semuanya berpunca dari tingkah laku diri kita sendiri dari kehendak dan tindakan kita untuk mengubah sesuatu!”

Bahasa Yang Mendidik

Ayat (susunan perkataan) sebagai satu alat perhubungan mempunyai peranan penting dalam pendidikan dan usaha-usaha yang berkaitan dengan perubahan sosial. Melalui susunan perkataan tersebut, dengan syarat-syarat tertentu, ditinjau dari segi isi, bentuk dan orang yang mengucapkannya, mampu membuat perubahan besar terhadap jiwa dan akal manusia.

1. Isi dan Bentuk Ayat

Setiap ayat mengandungi isi (makna) dan makna itu membawa bersamanya pengertian atau isyarat yang merupakan saranan pendidikan yang positif atau negatif. Sedangkan bahasa adalah cara atau alat untuk menjelaskan dan memahami sesuatu dan ia dapat memberi kesan yang dalam pada pemikiran dan gerak hati manusia.

Dalam pada itu kita dapati bahasa al-Quran, sesungguhnya, melampaui batas-batas klasik yang ada dalam sastera jahiliah. Menurut Malek Bennabi, al-Quran telah mengemukakan berbagai-bagai makna dan persoalan yang baru untuk merangkul intelek jahiliah ke pangkuan tauhid. Jelas, bahasa al-Quran membawa nilai-nilai pendidikan yang dapat dilihat dalam banyak bentuk penyampaiannya. Contohnya, nama “Putiphare” yang merupakan nama sebenar seorang ahli kitab berbangsa Mesir “Aziz al-Illah Syams” yang dimasukkan dalam cerita Yusuf di dalam al-Quran disebut dengan panggilan “Aziz” saja, dibatasi dengan gelaran ini sahaja supaya sesuai dengan jiwa tauhid dan untuk menegah fikiran dari terjerumus ke dalam akidah yang melencong.

Untuk mengemukakan pemikiran tauhid hendaklah dilakukan dengan menggunakan bahasa yang sesuai dengan akidah yang dikehendaki oleh Gerakan Perubahan Islam.

Sesungguhnya terlalu bebas dalam penggunaan bahasa boleh mendatangkan kesan negatif, begitu juga halnya mencampuradukkan pelbagai bahasa seperti menggunakan istilah-istilah yang bukan Arab untuk memberi pengertian dan makna yang sebenarnya ada istilah Arabnya atau untuk menyampaikan realiti yang bersifat tempatan dengan menggunakan persepsi asing sebagaimana disebut oleh penulis buku “Fann al-‘Imarah fi al-Jazair” tentang definisi “jurutera” ialah orang yang pekerjaannya membina istana, tempat beribadat, gereja dan bangunan lainnya, tetapi ia tidak memasukkan “masjid” seolah-olah masjid tidak termasuk ke dalam pekerjaan seorang jurutera di Algeria.

Adapun bahasa yang positif tunjukan dan istilahnya memberi kesan positif yang aktif di dalam jiwa. Maka perkataan “mujahid” di dalam kamus jihad di Algeria boleh mendatangkan keraguan dan kesan negatif, kerana perkataan ini seolah-olah memberi makna “orang yang berjuang” sahaja, yang dengan sendirinya boleh juga digunakan kepada tentera yang berkhidmat dengan penjajah. Oleh sebab itulah, Malek Bennabi menyeru bangsa Arab supaya memperbaiki aspek kebahasaan supaya ia boleh membantu menjayakan usaha perubahan.

2. Pengucap Bahasa Perubahan

Untuk mewujudkan bahasa perubahan maka penutur atau pengucap bahasa itu perlu memenuhi syarat-syarat yang berikut ini:

Kesedaran dan kefahaman tentang topik yang hendak diucapkan termasuk prasyarat keberkesanan komunikasi dan kedua-duanya dapat mempengaruhi pendengar. Sementara pengucap yang disertai dengan ekspresi wajah merupakan unsur sampingan kepada isi ayat yang positif itu sendiri.

Terlibat dengan lingkungan dan bergaul dengan manusia. Ayat atau komunikasi yang berjaya berkait rapat selain kesedaran dan kemahuan untuk berubah dengan perhubungan secara langsung, melibatkan diri dengan lingkungan. Oleh itu, seorang pengucap menurut Malek Bennabi “menyeru agar berusaha memperbaiki masyarakat dengan ucapan dan nasihat yang disampaikan sedangkan kita mempersoalkan kesesuaian ucapannya ditinjau dari tempat dan sasarannya. Mungkin kalau ucapan tersebut dibuat di hadapan masyarakat yang sesuai maka kesan dan pengaruhnya lebih besar, yakni di hadapan bangsa yang tidak terbela, tidak berpelajaran dan justeru itu tidak berilmu. Maka pembaharu tulen perlu membuat ucapan yang sangat relevan isinya dan paling luas sasarannya.

Bahawa pengucap itu sendiri merupakan teladan, khususnya dalam hal yang diperkatakannya. Kerana orang yang berusaha untuk mengubah orang lain sedangkan dirinya sendiri tidak terlibat, tidak dapat melahirkan tindakan yang boleh menggerakkan perubahan dalam masyarakat. Maka seorang penceramah sebagaimana dicontohkan oleh Malek Bennabi yang keadaan keluarganya tidak bersesuaian dengan contoh-contoh yang diceramahkannya, sedikit kemungkinan dapat mempengaruhi orang lain, kerana “nasihatnya itu bukan refleksi tindakan tetapi lebih merupakan retorik semata-mata atau nilai-nilai akhlak yang dihadapkan ke masa lalu, bukan dihadapkan ke masa depan.” Komunikasi yang berjaya disyaratkan supaya penceramahnya orang yang sehati dengan kegiatannya, dan peribadinya merupakan contoh yang menggambarkan perubahan yang sedang diusahakannya.

Ilmu, Pengajaran dan Perubahan Sosial

Apabila masalah kebodohan menghalang kelincinan usaha perubahan sosial, hal itu adalah kerana realiti sikap dan pandangan kita terhadap aspek keilmuan dan pembelajaran masih di takuk lama. Ini disebabkan kita masih menganggap ilmu dan pembelajaran tidak ada hubungannya dengan keperluan sosial, demikian menurut Malek Bennabi. Sikap seperti ini tidak melahirkan kecuali ilmuwan yang tidak mendatangkan manfaat kepada masyarakat melainkan sedikit, atau melahirkan ilmuwan yang merosak masyarakat dengan ilmunya.

Sesungguhnya punca timbulnya fenomena ini adalah kerana kita tidak berfikir tentang ilmu melainkan atas dasar persekolahan yang matlamat dan tujuannya sekadar menumpu ilmu sebanyak mungkin tetapi tidak menghimbau manusia supaya bersungguh-sungguh membina semula faktor manusia dalam masyarakat itu, mewujudkan kesesuaian antara ilmu, pembelajaran dengan keperluan pembinaan masyarakat dan merealisasikan kekuatannya luar dan dalam.

Bertolak dari yang demikian, Malek Bennabi menyeru agar meninjau semula kurikulum dan falsafah pendidikan, mengembalikannya kepada objektif utama untuk membentuk manusia yang baru dan mengubah sahsiahnya yang lembab dan dungu. Ini tidak berjaya melainkan mengubah sikap umat bahawa matlamat pembelajaran tidak hanya untuk mendapatkan ilmu teori dan pengetahuan praktikal semata-mata, tetapi sebelum semua itu haruslah diberi tumpuan untuk mendidik tingkah laku yang bertujuan untuk membangkitkan dan menyuburkan nilai-nilai keterlibatan, menumbuhkan kesedaran terhadap pelbagai masalah, melepaskan diri dari tradisi tingkah laku yang lembab dan mempunyai misi dan matlamat yang mulia terhadap masyarakat.

Dan, semua itu bertujuan untuk membentuk insan aktif yang digerakkan oleh prinsip akhlak, bersedia berbakti untuk bangsa, menyumbangkan ilmunya bagi kebaikan dan kepentingan masyarakat umum, bukan untuk kepentingan diri sendiri, lebih-lebih lagi agar tidak menjadi perosak.

Sebenarnya, keperluan kita kepada dimensi kejiwaan dan tingkah laku menurut Malek Bennabi lebih banyak berbanding dengan keperluan kita kepada hal kebendaan. Keperluan kita yang pertama ialah melahirkan manusia yang baru, maka usaha pembentukan semula tidak sempurna jika dibuat semata-mata menyandarkan keadaan semasa kepada maklumat-maklumat lapuk, kerana ia tetap ketinggalan dalam tradisi berfikir dan sikap terhadap masalah sosial, juga tindakan terhadap masalah tersebut.

Usaha mencari dan menimba ilmu semata-mata tanpa dikaitkan dengan pendidikan, maka ilmu tersebut akan kehilangan nilai-nilainya yang sebenar, maka jadilah ia semata-mata tumpuan maklumat yang tetap dikuasai oleh tradisi berfikir dan pendidikan yang lapuk, yang menguasai tingkah laku dan sikap, yang mengurangi keterlibatannya terhadap masalah-masalah yang sedang berlaku, seterusnya hilanglah fungsinya dalam perubahan.

Oleh itu, maka golongan pemikir di Barat merasa bahawa memiliki ilmu sahaja tidak akan berupaya menyelesaikan masalah umat manusia, kerana ia hanya dapat mengatasi sebahagian masalah yang bersifat kebendaan, sementara masalah akhlak dan kejiwaan terus meningkat bersamaan dengan semakin majunya ilmu.

Malek Bennabi percaya bahawa “masalah kejahilan tidak dapat diatasi dengan semata-mata bersandar pada kurikulum sekolah, dan pembelajaran tidak akan berguna jika ia hanya bersifat himpunan maklumat, kerana tujuan utama adalah membersihkan jiwa dan melahirkan manusia yang baru.

Sekarang jelaslah bahawa pembelajaran semata-mata tidak mencukupi sebagai asas dalam membina dan mempersiapkan manusia, tetapi mesti disertai dengan pendidikan yang bertujuan untuk menghapuskan tradisi kejiwaan yang negatif.

Dengan kata lain, pembelajaran bertujuan membina sahsiah baru dalam masyarakat Arab moden sesuai dengan keperluan perubahan aspek dalaman dan luaran. Ini bererti jangan meletakkan suatu kurikulum yang menekankan pada apa yang disebut “ilmu” semata-mata tetapi mestilah lebih luas cakupannya, yakni apa yang dinamakan “budaya.”

Justeru itu, ketika merumuskan kurikulum pembelajaran hendaklah mengambil kira soal perubahan (pertumbuhan) masyarakat, begitu juga keperluan, periode hidup dan budaya yang mengelilinginya. Lalu, selain yang demikian, keperluan individu dari segi kejiwaan, aqliyah dan kebendaan, perlu dirumuskan suatu kurikulum yang ada hubungannya dengan alam kejiwaan dan motivator dasar, juga aqliyah serta kebendaan sesuai dengan keperluan.

Bertolak dari sini maka ilmu yang diperolehi melalui usaha pembelajaran mempunyai asas pendidikan yang turut menyumbang ke dalam pembinaan sahsiah dan pembangunan masyarakat sesuai dengan kemajuan ilmu dan pengetahuan yang lahir darinya, serta menjauhi kecelakaan yang terkadang timbul darinya pada waktu yang sama. Oleh itu, selainkan memajukan ilmu, pendidikan juga memajukan masyarakat dalam bidang akhlak dan rohani.



Fikiran dan Perubahan Sosial

Fikiran mempunyai peranan penting dalam usaha perubahan sosial kerana tindakan seseorang tidak berlaku jika bukan atas arahan fikiran.

Fikiran juga merupakan daya penyerap yang sentiasa menunggu hal-hal yang baru dan ia menguji semua yang berlaku dari perubahan-perubahan dalam tindak-tanduk dan lingkungan. Atas dasar ini, Malek Bennabi berpendapat bahawa bagaimanapun cara hidup dan pergerakan masyarakat, malah kepekasannya, berhubungan rapat dengan cara berfikir masyarakat tersebut.

Fikiran amat mempengaruhi keadaan suatu masyarakat, adakalanya ia bertindak sebagai faktor kebangkitan dan adakalanya sebagai faktor yang menghalang gerak dan pertumbuhannya.

Oleh sebab itu, Malek Bennabi membahagi unsur-unsur yang menggerakkan aktiviti manusia kepada tiga faktor:

- Kebendaan.
- Sahsiah.
- Fikiran.

Beliau menganggap faktor ketiga mempunyai peranan terpenting untuk membentuk tingkah laku, mengarahkan kegiatan dan mengukur keberkesanan perubahan.

Kanak-Kanak dan Fikiran

Kanak-kanak adalah makhluk yang bermula dalam keadaan terasing; sedang keluarga dan kemudian bangku sekolah bertindak menentukan perjalanannya untuk bercampur ke dalam masyarakat melalui tiga tahap yang dibahagikan oleh Malek Bennabi seperti berikut:

Tahap mengenal ibunya, kanak-kanak itu belum mengetahui tentang alam benda kecuali susu ibunya.

Tahap cenderung bermasyarakat, kanak-kanak itu mulai masuk ke alam benda meskipun ia belum mengetahui alam fikiran.

Tahap memasuki “lingkungan sekolah dan selepasnya” kanak-kanak itu mulai menjalin hubungan dengan alam benda dan alam fikiran.

Hal ini berlaku demikian kerana, pendedaannya kepada alam sahsiah hanya akan lengkap apabila ia membesar dan setelah tumbuh ikatan emosi kemudian ikatan sosialnya. Seterusnya apabila ia telah memiliki sahsiah dan rasa ke “aku” an maka mulailah ia masuk ke alam fikiran.

Menurut Malek Bennabi, apabila sampai umur kanak-kanak itu enam tahun maka mulalah ia masuk ke alam sahsiah di luar keluarganya. Di tahap ini, ia menjadi lebih peka hingga penting sekali perhatian dan pendidikan daripada ibu bapa dan guru-guru, khususnya ketika ia tidak dapat mengatasi masalah yang dihadapi. Hal ini berlaku demikian kerana, kegagalannya untuk menyelesaikan masalah, meskipun kecil, akan meninggalkan kesan yang besar dalam dirinya yang sering boleh menghalang pertumbuhan jiwanya.

Manakala ketika umurnya menjangkau tujuh atau lapan tahun, menurut Malek Bennabi, adalah sempadan antara alam benda dan alam fikiran. Pada usia inilah berlaku transisi kejiwaan yang membuka skop baru dan angan-angan palsu.

Selain peralihan kejiwaan, pada usia ini juga jelas kelihatan perkembangan fizikal pada dirinya. Pada peringkat ini, fikiranannya sudah mampu membezakan antara huruf-huruf pada perkataan “ibu” dan perkataan lain sekiranya digunakan huruf-huruf abjad untuk membaca satu perenggan atau memindahkannya, malah untuk menyampaikannya.

Maka perubahan yang dibuat oleh fikiran pada sahsiah kanak-kanak melebihi pengaruh lingkungan dan masyarakat. Hal ini dapat dilihat pada pandangan mata dan pada mimik muka, bahkan pada dua orang bersaudara yang mempunyai wajah yang mirip dan keturunan yang sama.

Pembelajaran dan pendidikan turut mempengaruhi pembentukan dan perubahan individu. Hal ini jugalah yang membentuk nilai-nilai sosial pada ke “aku” an dan kegiatan si anak. Lebih banyak pendidikan yang diperolehi si anak maka akan lebih sempurna nilai-nilai sosial pada ke “aku”annya dan lebih luas pula jangkauannya di dunia serta bertambah subur perkembangan sahsiahnya.

Manusia hidup dengan ketiga-tiga unsur tersebut (kebendaan, sahsiah dan fikiran). Apabila salah satunya tempang maka hal itu akan mempengaruhi sahsiah dan tingkah laku individu berkenaan. Lebih dari itu, ketempangan salah satu unsur ini boleh membuat hidupnya dalam ketakutan dan ini pun ada hubungannya dengan bentuk peradaban yang ia hidup di dalamnya. Maka, ketika ini terbuktiilah betapa besarnya pengaruh masyarakat dalam pendidikan untuk membentuk kejiwaan individu, tahap kesedaran dan kualiti tingkah lakunya.

Dari itu, masyarakat dapat mendidik kanak-kanak dari sudut pemikiran dengan memanfaatkan pelbagai cara serta kemudahan pendidikan dan jika tidak membuahkan hasil maka kanak-kanak tersebut cenderung terdedah kepada kemunduran dan ini akan menyebabkan kanak-kanak itu lebih lama di tahap “prasosial.”

Malek Bennabi bercerita: “Saya bertanya kepada seorang kanak-kanak di sebuah perkampungan Arab tentang apa yang mereka ‘berikan’ kepadanya di sekolah, maka kerana saya menggunakan perkataan ‘beri’ secara spontan kanak-kanak itu menjawab: “Mereka memberi kami biskut.” Jelaslah bahawa pengertian ‘beri’ bagi kanak-kanak ini hanya sesuatu yang berbentuk kebendaan, meskipun perkataan yang digunakan untuk bertanya tadi berkaitan dengan persekolahan. Begitulah manusia terpaksa membayar harga yang amat mahal ketika ia mula menjalin hubungan sosial dan pada waktu yang sama keadaan itu berlaku ke atas masyarakat juga. Sejauh mana kemunduran masyarakat yang ingin maju, maka sejauh itu pulalah ia terpaksa membayar harganya.”

Dengan kata lain, kanak-kanak yang tinggal di lingkungan masyarakat yang mundur akan menyerap semua kekurangan atau kelemahan dalam masyarakat tersebut termasuk kekurangan dan kelemahan dalam pemikiran. Mereka cenderung melihat dan menilai sesuatu dari segi bentuk zahir dan kuantitinya. Pada gilirannya, hal ini akan membantutkan kesedaran sosial, juga pertumbuhan akhlak dan keterlibatan dirinya.

Oleh sebab itu,, menurut Malek Bennabi, timbulnya gejala “kesesuatuan” yang menilai sesuatu dengan logika benda, bukan dengan logika fikiran adalah akibat langsung dari realiti yang ada dalam masyarakat. Dan sudah dimaklumi bahawa logika seperti ini hanya akan menghasilkan bentuk pendidikan yang sebenarnya selalu menghalang manusia berjalan ke arah perubahan dan kemajuan sosial.

Lantas, setiap masyarakat yang masih dibelenggu kecenderungan jiwa terhadap sesuatu yang bersifat kebendaan tidak akan menggunakan fikiran sebagai faktor penggerak kegiatan. Oleh sebab itu, kerana menganggapnya kegiatan yang ditegakkan atas dasar yang samar, tetapi ia hanya dipandang sebagai hiasan, tidak lebih dari itu. Inilah salah satu masalah pemikiran yang melanda Dunia Islam dewasa ini.

Pemikiran dan Adaptasi

Kemampuan fikiran manusia untuk membuat adaptasi tidak sama, begitu juga pengaruhnya terhadap tingkah laku individu berbeza antara satu masyarakat dengan masyarakat yang lain.

Sebagai contoh, idea pengharaman arak telah disebar oleh Amerika dalam masyarakat mereka melalui berbagai-bagai pendekatan pendidikan dan nasihat, tetapi pada waktu yang sama, menurut Malek Bennabi — pihak berkuasa tidak mengukuhkan nilai-nilai mulia dalam tingkah laku rakyat Amerika, lalu ia tidak dapat menghalang mereka dari meminum arak. Dalam hal ini, orang Amerika tidak dapat menyambutnya sebagai usaha pendidikan perubahan sosial.

Sementara idea yang sarna dapat diadaptasikan dalam masyarakat Islam moden meskipun kebanyakan penguasa negara di Dunia Islam tidak begitu mengambil berat sama ada rakyatnya minum arak atau tidak.

Mengapa demikian? Malek Bennabi menyebut ada dua faktor iaitu:

Keberkesanan nilai-nilai moral yang diterapkan tidak sama antara kedua-dua masyarakat tersebut. Masyarakat pertama mempunyai sosiobudaya yang berpegang pada nilai-nilai kebendaan seperti halnya masyarakat Amerika manakala masyarakat kedua, yakni kaum Muslimin, masih terus memelihara nilai-nilai moral. Maka penerapan idea pengharaman arak terhadap masyarakat Amerika kurang berhasil berbanding penerapannya dalam masyarakat Islam.

Adaptasi adaptasi pemikiran tidak sama kesan dan pengaruhnya antara satu tahap sosial dengan lainnya. Maka masyarakat Islam yang masih mempunyai ikatan moral dan emosi “kepada kemuncak periode pertama, sekalipun jelas ikatan itu semakin renggang apabila idea yang asal ditukar dengan pemikiran lain yang diusahakan oleh manusia, kemudian ketika idea yang terakhir ini ditukar kepada kebendaan, lalu pada periode ketiga muncullah pemikiran yang menyebabkan terhentinya penerapan gagasan yang asal, maka berubahlah manusia dari tahap yang terdidik kepada manusia yang hanya sekadar mengetahui.”

Keaslian, pengambilan dan fenomena idea yang lumpuh dan merosak.

Selanjutnya, dalam usaha melahirkan perubahan sosial terdapat percubaan menghimpun dua hal yang tidak sesuai, yakni antara tradisi dan peminjaman yang menyebabkan berlakunya kegoncangan pemikiran dan tingkah laku. Maka berlakulah pengelompokan yang mempunyai dua kecenderungan: satu berusaha untuk mempertahankan pemikiran usang meskipun sudah lapuk dan yang satu lagi berusaha meminjam pemikiran yang baru meskipun merosak.

Dua bentuk pemikiran inilah yang cuba digeluti dan diselesaikan oleh Malek Bennabi sejak awal lagi.

Pemikiran yang lumpuh sebagaimana digambarkan Malek Bennabi ialah pemikiran yang sudah terpotong dari akar-akarnya dan menyimpang dari konsep aslinya serta tidak lagi mengakar pada budaya asalnya.

Maka pemikiran yang diperkenalkan kebudayaan Islam pada zatnya benar dan dalam ruang lingkup sejarahnya juga demikian, yang ada dalam masyarakat yang tidak mengakar pada asalnya akan menjadi pemikiran yang hilang keseimbangan. Justeru itu, mempraktikkannya di tempat yang tidak sesuai akan berubah menjadi gagasan yang lumpuh.

Pemikiran yang sama pun terkadang berbeza kesannya dalam masyarakat yang sama tetapi pada suasana yang berlainan. Maka gagasan “kemajuan” sebagai contoh sebagaimana diisyaratkan Malek Bennabi-mempunyai peranan penting dalam budaya masyarakat Eropah kerana ia diperkuatkan lagi oleh teori yang objektif dari Comte serta teori evolusi Darwin, tetapi kedua-duanya “tersungkur” pada kurun ke-20 ini kerana sudah kehilangan kesan sosialnya dan tidak lagi mempunyai pengaruh yang patut diperhitungkan.

Suatu pemikiran bukan sahaja dilihat dari zatnya tetapi harus juga dilihat dari relevansinya. Kaum pragmatik tidak menerima suatu pemikiran sebelum lebih dahulu mengujinya dan mengambil hasil ujian tersebut lalu diteliti lagi apakah sesuai dengan realiti. Sesungguhnya, Malek Bennabi sependapat dengan mereka (kaum pragmatik tadi) pada faktor “kesesuaian” suatu pemikiran. Kemudian beliau menetapkan bahawa pemikiran yang berkesan tidak semestinya benar pada zatnya semata-mata kerana “benar atau tidaknya suatu pemikiran dapat dilihat dari sudut akidah, logika, sains dan relevansi sosialnya. Namun, sejarah tiap-tiap satu darinya tidak hanya pada perkara-perkara yang berkaitan dengan zatnya sahaja, tetapi perlu dilihat dari segi kemampuannya untuk menggerakkan dan mengubah budaya.”

Namun begitu. Malek Bennabi tetap mengambil kira nilai pemikiran dari segi zatnya. Terdapat beberapa pemikiran atau gagasan yang benar dan indah jika hanya dilihat dari segi kebenaran dan kebagusannya pada masa dan tempat tertentu seperti gagasan amar makruf dan nahi mungkar, namun masa mengemukakannya memerlukan suasana sosial yang dapat mewujudkan perubahan sosial yang dikehendaki.

Berdasarkan yang demikian maka pendidikan sosial yang dilancarkan ke arah perubahan akan gagal jika disandarkan pada pemikiran lapuk yang telah terpisah dari semangat asalnya meskipun pemikiran itu benar. Hal ini berlaku demikian kerana kesan pemikiran tidak bersandar hanya pada faktor benarnya pada zat tetapi harus melihat faktor lingkungan umum yang meliputinya, sama ada pemikiran tersebut dapat berfungsi atau tidak, kerana pemikiran yang sudah tercabut tunjang asalnya dari jiwa, maka pada ketika itu lumpuhlah pemikiran tersebut.

Menurut Malek Bennabi, kelumpuhan kelumpuhan berfikir dan kesan sampingan yang bersifat negatif memerlukan usaha dan pendekatan yang ilmiah. Melalui bidang pendidikan dapat dilihat letak fenomena penyakit dalam kebudayaan moden di Dunia Islam. Jika tidak, maka pemikiran yang lumpuh itu akan memberi kesan kepada bidang sosial dan politik. Inilah masalah yang menimpa gerakan-gerakan perubahan yang terlalu menumpukan perhatian pada bahagian-bahagian kecil (memandang satu sudut tanpa mengambil kira struktur keseluruhan).

Sebagai reaksi terhadap pemikiran itu maka muncul pula usaha yang berbentuk pengambilan atau lebih tepatnya peminjaman dari Barat untuk “menghidupkan alam budaya yang dipenuhi fikiran-fikiran yang lumpuh dengan meminta bantu kepada fikiran-fikiran yang merosak yang diambil dari peradaban lain. Ketika pemikiran-pemikiran itu menjadi pelumpuh di negeri asalnya maka akan menjadi lebih buas ketika ia terpisah dari lingkungannya. Ia meninggalkan akar-akar yang tidak mampu menanggungnya dan memindahkan pertentangan-pertentangan yang sengit lebih dari yang berlaku di tempat tinggal asalnya. Contoh yang paling jelas adalah pengambilan pemikiran-pemikiran baru daripada peradaban Barat.

Pemikir Barat mengatakan: “Sesungguhnya tiap-tiap manusia bagi dirinya; dan Allah untuk semua.” Apabila masyarakat Islam meminjam ungkapan ini — sebagaimana disebut oleh Malek Bennabi — maka ia menjadi tidak relevan dengan masyarakatnya. Memindahkan cara hidup Barat ke dalam masyarakat Islam tentu memudaratkan pendidikan sosial, kerana memindahkan pemikiran ini ke dalam masyarakat Islam pasti bertentangan dengan ungkapan yang dikenal dalam kalangan mereka. “Individu adalah untuk semua dan semua untuk individu.”

Maka masalah pemindahan yang merosak merupakan gejala umum yang melanda gerakan-gerakan perubahan yang kebaratan. Mereka mengambil pemikiran Barat tanpa usaha yang selektif.

Sesungguhnya, al-Farabilah yang bertanggungjawab memindahkan falsafah materialisme Aristotle ke dalam masyarakat Islam. Namun, beliau mampu mengatasinya hingga tidak bertentangan dengan ajaran Islam sendiri.

Selanjutnya, Thomas Aquinas bertanggungjawab pula melenyapkan kandungan ajaran Islam dari falsafah Aristotle, kemudian melakukan penambahan hingga sesuai dengan masyarakat yang beragama Kristian.

Kedua-dua individu tersebut memiliki wawasan yang jelas, hal yang tidak dimiliki oleh kaum intelek Arab yang kebaratan pada hari ini. Dan menurut Malek Bennabi lagi, yang demikian berlaku kerana dua sebab:

Logika yang berhubung dengan peradaban yang dipindahkan itu. Tidak semua unsur yang ada pada dua budaya yang berlainan dapat diubah. Kehidupan sosial berjalan mengikut tabiat dan aturan yang tertentu baginya, sama halnya dengan kehidupan anggota tubuh.

Jiwa pendidikan yang ada pada sesuatu yang diambil itu. Masyarakat sedang berkembang tidak mungkin menyerap unsur-unsur budaya yang baru walaupun dipindahkan dengan cara yang sah melainkan benar-benar diperlukan atau ada kemampuan yang tinggi. Masyarakat Arab moden belum memenuhi kedua-dua syarat ini kerana terbukti mereka mengambil apa sahaja dari Barat tanpa kritikan dan seleksi.

Dari segi yang lain pula, terdapat usaha mencampurkan antara kebenaran pemikiran dan keberkesanannya. Maka Eropah lebih berat kepada nilai keberkesanannya berbanding nilai kebenaran dan keasliannya dalam sistem penjajahan yang mereka laksanakan dan jadilah kaum ilmuwan terbahagi kepada dua golongan iaitu kelompok pertama menghadapi pemikiran tersebut dengan nilai moral tertentu dan kelompok yang satu lagi memandang hanya dari segi keberkesanannya.

Adapun kaum terpelajar Muslim yang terdidik di pengajian-pengajian tinggi Eropah hanya melihat dan meniru yang satu kelompok sahaja, yakni kelompok yang kedua. Maka jadilah pemikiran mereka hasil percampuran antara dua keadaan yang saling berlawanan iaitu kebenaran dan keberkesanan, kerana mereka pada dasarnya telah menjadi penyambung lidah tidak rasmi bagi pakatan-pakatan serangan pemikiran yang dilancarkan oleh Barat.”

Dengan kata lain, komposisi kejiwaan dan pemikiran mereka tidak membezakan antara tindakan tanpa akhlak dan tindakan yang dibentengi akhlak yang kuat dan ini merupakan pendorong kepada kehancuran umat Islam di samping kekuatan dan kelengkapan alat yang dimiliki penjajah itu sendiri dalam period-period penjajahan untuk mewujudkan perubahan ke arah yang dikehendaki penjajah itu sendiri.

Pemikiran yang merosak dalam budaya Barat telah diserap oleh pemikiran umat selepas era al-Muwahhidin dari institusi perguruan tinggi di bandar-bandar besar Eropah. Pemikiran-pemikiran inilah yang memainkan peranan untuk menghalang usaha kebangkitan dan perubahan di Dunia Islam. Dari pemikiran yang merosak lahirlah sikap yang salah terhadap pendidikan dan kebudayaan ditinjau dari segi pemikiran atau kemasyarakatan.” Inilah sikap menurut Malek Bennabi yang disebabkan oleh dua perkara:

Pandangan seorang pelancong yang mengambil berat dari segi biasa dalam kehidupan Barat, perkara-perkara yang boleh diperolehi di kedai kopi, ruang legar tarian atau di tempat-tempat yang seumpamanya.

Pandangan penuntut yang diutus menimba ilmu pengetahuan dari Barat, bertungkus lumus dalam bidang teori peradaban Barat, menekuni buku-buku dan duduk berlama-lama di perpustakaan, atau mengikuti kuliah di isana, yakni di tempat-tempat yang padanya hanya terpercik sedikit warna kehidupan Barat yang saintifik, tidak ketinggalan unsur-unsurnya yang merosak dan sudah dirosak.

Dua gejala pemikiran yang lumpuh dan merosak yang masuk ke dalam kehidupan masyarakat Arab dan Islam telah pun mengganggu dan menghalang perkembangan moral dan wawasannya. Itulah yang kita dapati sebagaimana ditunjukkan oleh Malek Bennabi ketika membuat perbandingan antara dua percubaan oleh dua masyarakat iaitu Jepun dan Islam.

Kedua-dua masyarakat ini mula “memasuki sekolah-sekolah Eropah pada sekitar tahun 1860M. Tetapi kenyataan yang sungguh pahit dan tidak dapat dipertikaikan menunjukkan: hasil yang diperolehi dua masyarakat ini benar-benar berlainan. Kita dapati selepas satu kurun Jepun sangat mengagumkan dalam bidang teknologi, industri dan ekonomi. Sedangkan masyarakat Islam kita dapati, tanpa ragu-ragu telah melangkah kepada kebangkitan tetapi tetap sarat dengan pemikiran yang sudah lumpuh yang diwarisi dari zaman selepas al-Muwahhidin.

Jepun mengagumkan kerana sikap mereka terhadap budaya Barat; mereka memang banyak mengambil sikap keterlibatan yang positif Barat, pada waktu yang sama mereka dapat melepaskan diri daripada pemikiran lumpuh yang diwarisi dari zaman “al-Syawfun.”

Tidak mungkin kita mengandaikan penjajah memberi pemikiran yang baik dan kreatif kepada orang Jepun sementara kepada orang Islam mereka berikan pemikiran yang merosakkan.

Sebenarnya, masalah ini tidak boleh disalahkan kepada budaya Barat semata-mata, tetapi lebih merupakan kesalahan kita mengambil sikap terhadapnya. Sikap ini dibentuk oleh warisan sosial yang belum kita lepaskan.

Dengan ungkapan yang lebih khusus, warisan itulah yang mendorong kita menjadi seorang pelancong yang cenderung mengumpul barangan antik sebagai koleksi dan ikhtiar seorang penuntut yang bersungguh-sungguh dalam “kuburan” perpustakaananya.

Hal ini berlaku demikian kerana mereka masih terhimpit dalam belunggu warisan sosial, maka kedua-duanya tidak mungkin sampai ke buaian tempat lahirnya peradaban atau ke kilang tempat ia ditempah. Namun kedua-duanya pergi ke tempat-tempat yang padanya membusuk peradaban dan yang lain ke tempat-tempat runtuhnya peradaban.

Bertolak dari itu — kata Malek Bennabi — kita perlu melipat gandakan usaha membersihkan pemikiran yang lumpuh serta melenyapkan fikiran yang melumpuhkan kerana yang demikian merupakan dua asas bagi setiap kebangkitan yang sebenar. Ini memerlukan kemampuan untuk membezakan antara “kebenaran” pemikiran dan “kesesuaiannya”, yakni terhadap pengertian perubahan mestilah kita letakkan satu matlamat dan ketentuan, kerana setiap pemikiran mempunyai dua segi iaitu kebenaran dan kesesuaiannya. Terkadang ada pemikiran yang sesuai tetapi tidak benar dan terkadang sebaliknya.

Atas dasar itu, Malek Bennabi menyimpulkan peri pentingnya kemampuan untuk membezakan antara pemikiran warisan dan pinjaman. Pemikiran yang diwarisi terkadang sesuai pada keadaan dan zaman tertentu tetapi ketika dipindahkan ke tengah-tengah khalayak manusia yang tidak menguasainya selalu menjadi negatif dan tertolak. Dengan kata lain, pemikiran yang mempunyai nilai positif pada zaman lampau boleh jadi membawa kesan negatif pada masa sekarang. Terkadang satu pemikiran sesuai bagi suatu masyarakat tetapi memudaratkan ke atas masyarakat yang lain.

Ilmuwan Islam hendaklah berhati-hati melihat dua gejala yaitu pemikiran yang lumpuh dan pemikiran yang merosakkan ketika mengambil sumber warisan atau ketika mengambil dari sumber peradaban yang lain.

“Ambillah sumber warisan yang dinamik bukan yang lumpuh. Pilihlah sumber luar yang boleh menyuburkan bukan yang merosak. Pada waktu yang sama ketahuilah perbezaan antara kesahihan pemikiran dan kepatutannya. Beginilah sikap yang perlu ada pada kita supaya dapat menyumbang ke arah perubahan sosial.

Kritikan Malek Bennabi Terhadap Gerakan Perubahan

Menurut Malek Bennabi, terdapat dua kecenderungan utama dalam gerakan perubahan sosial di Dunia Arab, yakni aliran Islam dan aliran Liberalis yang kebaratan. Beliau memanggil kedua-duanya dengan istilah Gerakan Pembaharuan dan Gerakan Pemodenan.

Gerakan Pembaharuan yang dimaksudkan Malek Bennabi ialah gerakan yang dipelopori oleh al-Afghani, Muhammad Abduh, Syakib Arsalan, Rasyid Reda dan selain mereka di Mesir dan Timur. Gerakan Pembaharuan di bahagian Afrika Utara terlihat pada Jemaah Ulama Algeria yang kesemuanya mempunyai asas Islam meskipun berlainan pendekatannya.

Al-Afghani, misalnya, menurut Malek Bennabi menumpukan perhatiannya dalam bidang politik untuk mengatasi masalah sosial. Maka, al-Afghani berusaha memperbaiki sistem politik untuk mengatur suatu bangsa dan sistem perundangan di Dunia Islam tetapi beliau lupa memperbaiki faktor manusianya yang terbentuk selepas era al-Muwahhidin. Beliau hanya menumpukan perhatian dalam soal-soal politik dan lupa melakukan sesuatu dalam soal pendidikan. Pendekatan ini mengajak kepada perubahan atas dasar revolusi, sedangkan revolusi tidak dapat mewujudkan nilai-nilai baru yang sesuai bagi perubahan selagi ia tidak ditegakkan di atas asas pendidikan.

Adapun Muhammad Abduh secara umum melihat persoalan ini dari sudut kemasyarakatan. Menurut Malek Bennabi, beliau benar-benar meyakini bahawa untuk merealisasikan pembaharuan mesti bertolak dari faktor individu.

Sesungguhnya individu itulah unsur utama dalam semua masalah sosial, maka ejenda utama kita ialah mencari pendekatan bagaimana hendak mengubah individu ini? Dalam hal ini, beliau merasa perlu meluruskan ilmu usul.

Hal yang serupa juga menjadi keyakinan Doktor Muhammad Iqbal dari Pakistan, yakni meyakini betapa pentingnya membaharui ilmu Kalam dengan meletakkan falsafah yang baru agar dapat mengubah individu. Padahal ilmu Kalam sebenarnya tidak ada hubungannya dengan masalah jiwa kecuali dalam bidang akidah dan prinsip. Umat Islam-termasuk umat Islam selepas era al-Muwahhidin-sebenarnya belum sampai ke peringkat kehilangan akidah.

Oleh itu, masalah kita bukanlah untuk mengajar umat Islam tentang akidah yang memang masih terus mereka miliki, tetapi yang lebih penting adalah mengembalikan fungsi, kekuatan positif serta pengaruh akidah ini dalam hubungannya dengan masyarakat.

Tegasnya, persoalan kita bukanlah hendak memberitahu umat Islam tentang kewujudan Allah supaya mereka merasakan kewujudan-Nya itu memenuhi jiwa mereka, dengan keyakinan bahawa Dialah sumber kekuatan.

Mengubah diri ertinya memberi kekuatan supaya ia mampu melampaui kedudukannya yang biasa. Ini bukanlah urusan ilmu Kalam. Oleh itu, Malek Bennabi amat terkesan dengan kata-kata seorang pemikir dan pengkaji yang memberi pandangannya dalam masalah ini:

“Sebenarnya, ilmu Kalam mempunyai pengaruh yang jelas dalam pendekatan falsafah yang kering, yang tidak mampu beralih kepada sekolah yang mendidik masyarakat, maka dengan iman kepada Allah sahaja tidak mungkin dapat membebaskan manusia dari tingkah laku yang menjadi penyebab kehancuran mereka.”

Lantas, Muhammad Abduh tidak berusaha mengenal pasti masalah jiwa dan “domir”, tetapi berusaha mengatasi masalah intelektual dan pembelajaran. Oleh yang demikian maka pembaharuan yang dibuat di al-Azhar meskipun mempunyai nilai pembaharuan juga namun belum memadai untuk mendorong umat Islam bangkit dan melakukan perubahan sosial secara menyeluruh.

Malek Bennabi menghimpun bidang-bidang kelemahan yang terdapat dalam asas pendidikan Gerakan Pembaharuan seperti yang berikut:

Terdapat masalah pendekatan atau sistem dalam pendidikan pembaharuan yang lebih menekankan “kepintaran” bukan “kesedaran” atau “pembelajaran” bukan “pendidikan” yang mereka harapkan boleh membawa nilai-nilai perubahan. Namun begitu, kaum pembaharu masih memiliki sejumlah jasa dan kebaikan meskipun sekadar “mengejutkan” kebuisan yang melanda umat selepas era al-Muwahhidin menjadi umat yang memiliki “kepintaran”. Atau dengan kata lain, ia telah membawa masalah tersebut ke tahap pemikiran peradaban dan ini bererti ia telah melangkah ke tahap penting di antara tahap-tahap kebangkitan, yakni periode rohani yang berusaha mengubah individu kepada perubahan yang padanya terbuka kemungkinan munculnya nilai-nilai sosial.

Kembali kepada masa lalu adalah prinsip yang diserukan oleh Gerakan Pembaharuan Tradisional. Gerakan ini tidak dimasukkan ke dalam urutan peristiwa sejarah kerana ia dianggap terpesong dari jalur, tidak berusaha membawa manusia ke tahap kesedaran. Peranannya terhad sekadar mengajak manusia mempelajari hal-hal yang berhubungan dengan ilmu Kalam. Oleh itu, mereka membawa pembaharuan dari segi ilmu Kalam yang terbukti amat sedikit menyentuh kepentingan seluruh manusia.

Asas pendidikan gerakan-gerakan tersebut adalah al-Quran, tetap tidak sampai ke tahap pendidikan yang aktif, kerana ayat al-Quran dimanfaatkan bagi tujuan pembelajaran sahaja.

Al-Quran menurut mereka adalah guru yang dapat memberi aturan tiap-tiap sesuatu, hujah-hujah yang dapat mendiamkan setiap pembantah dan dalil-dalil yang menundukkan sesetengah tradisi dan bidaah yang tidak bersesuaian dengan pengamalan salaf.

Al-Quran itu juga merupakan model estetika, malah merupakan himpunan hasil kesusasteraan yang digunakan dalam ilmu yang berkaitan dengan Balaghah. Maka pemikiran al-Quran itu tidak menyentuh secara langsung “domir” atau nurani manusia selepas era al-Muwahhidin, juga bukan bidang hidup, pemikiran dan tingkah lakunya.

Hilangnya keaktifan ilmu: Sesungguhnya penumpuan gerakan itu hanya terhadap bidang keilmuan, khususnya ilmu Tauhid, Falsafah, ilmu Kalam, Fiqah dan Fiqah-Lughah. Seterusnya, “ilmu-ilmu itu pada umumnya tidak menjadi alat bagi perubahan walaupun sedikit, ia lebih banyak digunakan sebagai perhiasan, teori dan kebanggaan.

Keadaan inilah yang menjadi punca keruntuhan dan kejumudan kerana ilmu-ilmu tersebut tidak sedikit pun menyumbang ke arah kemajuan. Maka bangsa Arab, misalnya, memiliki sikap negatif yang sudah amat dikenali, mereka amat sukar menerima apa juga yang baru dan asing meskipun untuk kemajuan mereka sendiri.

Gerakan tersebut pada umumnya tidak membenarkan ilmu-ilmu tersebut melahirkan para penyeru dan pendidik ke arah perubahan, tetapi mereka lebih cenderung melahirkan individu-individu yang memiliki kepakaran dalam berbagai-bagai cabang disiplin ilmu.

Kelembapan pendekatan dan sistem pembelajaran. Sistem pembelajaran di sekolah-sekolah mereka tidak menunjukkan adanya bukti usaha pembaharuan dan perkembangan, “maka kurikulum di sekolah-sekolah pembaharuan adalah hal yang itu juga sejak enam kurun lalu, meskipun guru dan para muridnya duduk di atas kerusi yang cantik dan mempunyai meja berlaci. Usaha yang bertanggungjawab terhadap budaya Arab jarak jarang sekali berlaku. Mereka mempunyai tujuan tetapi tidak mempunyai alat untuk mencapainya. Beginilah bentuk dan keadaan pembelajaran pada umumnya di Dunia Islam, “sistem dan cara yang digunakan masih pendekatan kurun pertengahan. Selagi prinsip ini yang disogokkan maka sesungguhnya bentuk-bentuk kegiatan akan terus cenderung kepada masa lalu.” Memang benar banyak pembaharuan dalam bidang pembelajaran, tetapi ia cenderung pada pembaharuan luaran sahaja, sementara sistem dan isinya masih didominasi budaya yang jumud yang sebenarnya tidak lagi sesuai dengan tuntutan masa sekarang, lebih-lebih lagi tuntutan masa depan.

Tidak adanya model tindakan dari pimpinan dan alpanya interaksi berkesan dengan lingkungan. Pemikiran pembaharuan bertujuan memperbaiki individu bagi mengubah sosial. Ini memerlukan model tindakan dari pemimpin melalui interaksi yang berkesinambungan — dengan lingkungan sosial — dalam pelbagai bidang.

Tokoh-tokoh pembaharu tersebut berpuas hati atau memadankan “dengan mendiktekan sesetengah kanak-kanak dengan pelajaran-pelajaran tertentu sekadar memenuhi tuntutan sistem yang tidak sedikit pun berunsur pembaharuan, atau menyampaikan pengajaran-pengajaran dari mimbar kepada khalayak yang tidak dapat mereka pelajari melalui lingkungannya, malah merekalah yang berusaha supaya dipisahkan oleh mimbar, akhirnya kanak-kanak tersebut menjadi pelajar dan pemuda yang pura-pura mendengar dan menunjukkan minat.”

Memberi pengertian sebenar tentang “solidariti Islam” tetapi tidak mengandungi nilai pendidikan yang berkesan dan tidak memberi pengertian sebenar tentang “persaudaraan” yang tidak semata-mata emosi dan ungkapan indah tetapi merupakan model tindakan yang menyatukan dan mendorong manusia untuk saling menolong dan berganding-bahu melakukan usaha perubahan.

Sementara kaum pembaharu di Afrika Utara, menurut Malek Bennabi berusaha memperluas medan dan sasaran sedikit demi sedikit, termasuk mendirikan institusi pendidikan yang “bebas”, dan ini ternyata memberi kesan yang tidak sedikit bagi mengatasi ketimpangan dalam sistem pembelajaran di sekolah kerajaan.

Gerakan ini dipelopori oleh seorang ulama, Abdul Hamid bin Badis, tokoh yang popular dan berpengaruh. Oleh itu, pemikiran pembaharuan pada zamannya berbeza keadaannya kerana mereka memiliki keterlibatan secara langsung, khususnya golongan pengajar yang masih muda dan mempunyai semangat juang yang tinggi untuk melakukan tindakan dan kegiatan mencetuskan reformasi sosial. Mereka bergerak atas dasar firman Allah SWT yang bermaksud:

إِنَّ اللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّى يُغَيِّرُوا مَا بِأَنْفُسِهِمْ

“Sesungguhnya Allah tidak mengubah keadaan suatu kaum sebelum kaum itu mengubah keadaan diri mereka.” (ar-Ra’d: 11)

Ayat itu sungguh jelas pengaruhnya dalam kebanyakan kegiatan dan tindakan mereka hingga bangsa itu menyerap tabiat untuk berubah.

Meskipun begitu, dalam beberapa tahap, menurut Malek Bennabi usaha pembaharuan ini tidak ditegakkan atas teori budaya yang sihat hingga berlaku gejala keruntuhan dalam kalangan kaum intelek kerana mereka mengkhayalkan bahawa diri mereka mampu mengubah keadaan sosial dengan cara mengajar manusia untuk merasakan “sesuatu” peradaban Islam dan kehalusan sastera Arab.

Gerakan ini pada suatu ketika, sekitar tahun 1936 pernah meninggalkan pendekatan pendidikannya dan mencuba menangani masalah perubahan sosial melalui jalur politik dan pilihanraya, mengenderai gelombang aliran kepartian hingga ia berubah menjadi gerakan yang mundur dan kurang popular.

Padahal satu-satunya cara untuk membina semula peradaban Islam ialah menegakkannya di atas prinsip-prinsip tertentu, tidak terikut-ikut dengan trend yang membawa unsur-unsur negatif dan perpecahan.

Menurut penilaian Malek Bennabi pada umumnya gerakan pembaharuan tidak mampu memperbaharui semangat keislaman umat, bahkan tidak mampu menterjemahkannya ke dalam realiti, hingga umat tidak memiliki pemikiran tentang besarnya “peranan sosial terhadap agama.” Mereka tidak menyumbang kecuali sekadar melenyapkan kebekuan sosial dan menyedarkan rakyat akan keterbelakangannya.

Tentang gerakan Ikhwān al-Muslimīn, Malek Bennabi menyifatkannya sebagai sebuah gerakan yang mempunyai pendekatan baru dalam sistem pendidikan, melancarkan tindakan bertolak dari pendidikan. Hal ini berlaku demikian kerana kelebihan yang ada pada Hasan al-Banna, yang “berjaya memimpin gerakan ini dengan pimpinan seorang yang bukan filsuf. Beliau bangkit ke tengah-tengah umat membawa keislaman yang tidak membawa sebarang teori yang menguatkannya selain al-Quran itu sendiri. Namun, al-Quran yang disampaikan adalah al-Quran yang mampu menggerakkan kehidupan, melalui ayat-ayatnya dicungkil sesuatu yang dinamik dan berlaku yang baru, kemudian menariknya ke dalam hidup yang sarat dengan inisiatif dan tindakan.”

Al-Quran yang disampaikan oleh Hasan al-Banna bukanlah ayat-ayat untuk ditafsirkan sekadar menghuraikan masalah-masalah kebahasaan dan perbualan kosong, tetapi digunakan untuk “menyusun masyarakat”, satu hal yang menurut Malek Bennabi merupakan faktor asas untuk mencetuskan perubahan, sehingga al-Quran itu memberi nilai “pendorong dan alat yang jitu bagi mengubah manusia.” Pengertian “persaudaraan” yang sekadar mengandungi nilai-nilai moral dan emosional pada Hasan al-Banna-berubah menjadi “persaudaraan” yang mempunyai nilai-nilai pendidikan.

Hakikat ajaran al-Quran jelas memberi pengaruh langsung kepada fikiran dan “domir”, seterusnya melahirkan tindakan dan nilai luhur. Dua perkara ini adalah tonggak bagi setiap kemajuan masyarakat yang “berfikir dalam tindakannya dan bertindak dengan fikiran.”

Gerakan yang diasaskan al-Banna ini telah memberi kesan yang luar biasa ke atas masyarakat Mesir sebagai “penggerak sebenar” yang menurut Malek Bennabi meliputi pelbagai bidang kehidupan. Ia telah banyak mengubah hidup rakyat Mesir yang dalam sejarah Islam moden boleh dianggap sebagai usaha positif pertama untuk membina struktur organik sejarahnya.

Barangkali ia dapat menyatukan pemikiran Dunia Islam seluruhnya, juga memasukkan unsur industri dalam gerakan kebangkitannya. Gerakan ini merupakan usaha bersungguh-sungguh pertama bagi pembinaan semula masyarakat. Sasaran utamanya ialah pendidikan individu dan sosial sebagai asas perubahan yang menjadi faktor terpenting bagi mencapai kemajuan dan kemenangan.

Adapun gerakan pembaharuan yang kebaratan, menurut Malek Bennabi, lahir dari pemuda-pemuda universiti yang lazimnya tumbuh menjadi golongan pertengahan setelah pulang ke pangkuan masyarakat dan sesetengahnya pernah tinggal di Eropah sama ada untuk belajar bidang perniagaan atau bahasa asing. Kekaguman melihat peradaban Barat telah menguasai mahasiswa-mahasiswa Islam ditambah dengan kehadiran sejumlah orang Eropah di Dunia Islam. Inilah penyebab utama bercambahnya nilai-nilai, pemikiran atau kecenderungan masyarakat Islam moden kepada cara hidup Barat.

Malek Bennabi melihat pengaruh ini tidak akan terhenti dengan cara menghalang mereka dari terdedah kepada suatu peradaban atau budaya baru kerana mereka “mudah terpesona dengan sesuatu yang baru” tanpa dapat membezakan antara batas-batas kesesuaiannya dengan aspirasi umat yang berazam untuk bangkit tanpa kehilangan jati diri atau identitinya.

Menurut Malek Bennabi, kemungkinan besar pengenalan Barat dengan anak-anak jajahan telah membantu berlakunya keadaan ini. Sekolah-sekolah yang dikuasai penjajah “hanya menyebarkan budaya Eropah yang berupa sampah-sampahnya, tidak berusaha mencungkil kepintaran murid-murid atau mendorong bakat mereka. Mereka berusaha sekadar melahirkan alat-alat (pak turut) yang mempunyai kemampuan terbatas.

Semua produk peradaban Eropah telah menenggelamkan golongan yang beraliran kebaratan moden, maka mereka merasa mencukupi apabila mengetahui kegunaannya tanpa merasa perlu berfikir lebih jauh dan lebih mendalam tentang hakikat produk tersebut. Apabila sesuatu itu boleh digunakan menurut Malek Bennabi maka nilai-nilai yang ada padanya boleh dipertimbangkan, sebagai akibatnya semakin suburilah sikap mengekor dan mengikut tanpa menyedari kesannya terhadap tingkah laku, nilai-nilai, pemikiran dan sikap hingga kaum wanita tidak lagi merasa perlu menenun pakaiannya tetapi cukup membeli produk Eropah. Lebih ramai siswazah dari sekolah-sekolah Barat maka gejala seperti ini pun lebih menonjol dalam masyarakat.”

Masalah yang menimpa orang yang kebaratan sebenarnya adalah kerana mereka tidak meneliti “pemikiran budaya”, tidak melihat evolusi peradaban Barat, tetapi mengambil kesimpulannya sahaja.

Sebenarnya golongan ini tidak pernah berusaha memperhatikan kaum wanita Barat yang bertungkus-lumus mengumpulkan rumput kering, tetapi yang mereka perhatikan ialah kaum wanita Barat yang mengecat kuku dan rambut sambil duduk mengepulkan asap rokok di kedai kopi atau kelab malam.

Mereka tidak melihat ahli pertukangan dan seniman Barat, tidak pernah merenung secara mendalam tentang kuasa tersembunyi yang melahirkan nilai-nilai moral dan sosial, malah tidak pernah memikirkan bagaimana seorang anak Eropah belajar tentang makna hidup dan menghormatinya; mereka memelihara anak kucing atau menanam bunga, tetapi perhatiannya tidak pernah sampai kepada petani yang rajin padahal mereka berada di tepi tanah yang dibajaknya, mereka tidak “bergaul” dengan tanah yang darinya terhasil sayur-sayuran yang mereka makan setiap hari.

Bahkan, mereka tidak memperoleh pengajaran dari sesetengah pekerjaan atau tindakan yang dianggap gila seperti kegilaan genius Bernard Palis yang sempat membakar barang-barangnya yang terakhir dan tanah ladang miliknya untuk menghasilkan penggosok permukaan kaca. Malah mereka tidak pernah memperhatikan segi-segi yang menggerunkan dalam peradaban itu untuk mencapai suatu penemuan yang kadang-kadang terpaksa mengorbankan nyawa mereka. Mereka tidak melihat wanita Eropah bertolak dari rumah mereka ke tempat kerja dalam keadaan basah berkeringat dan seluruh badan ditutupi debu hingga tidak dikenal perbezaan antara lelaki dan perempuan.

Mereka yang sudah terpengaruh dengan Barat itu mencukupkan sahaja dengan membaca sepintas lalu hidup luaran orang Barat, tidak pernah terfikir menyelusuri sejarah peradabannya, bagaimana ia mula terbentuk, bagaimana ia melepaskan diri dari pelbagai pertentangan dengan aturan-aturan manusia; mereka juga tidak mempelajari apa yang dipelajari Eropah di sekolah-sekolah, khususnya tentang erti realiti kemampuan yang Eropah telah mendahului jauh di depan berbanding bangsa-bangsa lain, malah mereka hanya mengambil kebendaan dan bentuk luarannya. Orang yang kebaratan itu lantas “tidak berusaha menyelidiki peradaban Eropah hingga sampai kepada produk-produknya dari kaitan struktural yang menghubungkannya dengan lingkungan alam. Peminjaman seperti ini sudah tentu akan mengalihkan perhatiannya dari menyeleksi hubungannya dengan cara hidup Islam.

Beginilah kita dapati kehidupan dipenuhi ribuan bentuk peminjaman tanpa kita ketahui sebab kewujudannya. Banyaknya produk pinjaman di Dunia Islam menunjukkan kepada kita bahawa hal itu menjadi tabiat awal gerakan pemodenan, yang pada hakikatnya tidak mempunyai teori yang tetap, tidak pada matlamat dan tidak pula pada caranya.

Pendukung aliran kebaratan yang terus-menerus mengambil budaya Barat, menurut Malek Bennabi ternyata alpa dari perhatian serta pemikiran dan teori kerana mereka memisahkannya dari ruang lingkup kesejarahan dan intelektual yang menyebabkan semakin besar bahaya memindahkan dan mempraktikkannya di lingkungan yang bukan lingkungannya,

Apabila pemikiran “setiap manusia untuk dirinya” sesuai untuk manusia Eropah, maka sesungguhnya sistem sosial kita pasti menolak pemikiran tersebut. Adapun dalam realiti ajaran Islam, jika pemikiran ini dipraktikkan maka ia akan berubah menjadi perosak kerana bertentangan dengan pemikiran “individu adalah untuk semua dan semua adalah untuk individu.”

Begitu juga dengan teori Darwin terhadap alam haiwan tidak mungkin dipraktikkan di alam manusia dan orang-orang yang mengambil budaya materialisme Barat dan pendekatan empirik Descartes akan letih sendiri mengkaji sebab-sebab sesuatu lalu melupakan tujuannya.

Dengan kata lain, nilai moral akan terabai dalam pendekatan kaum kebaratan moden itu meskipun “Eropah telah mencapai kemuncak pengetahuan dan teknologi, tetapi ia mundur dari segi moral dan tidak mengetahui sedikit pun tentang yang baik bagi manusia kecuali dalam batas-batas kebendaan yang tidak mungkin difahami melainkan dengan bahasa kebendaan; dan tidak tegak sebuah peradaban melainkan di atas asas yang seimbang antara kuantiti dan kualiti, antara natijah dan sebab.” Maka tranformasi yang bertolak dari asas kebendaan semata-mata sama halnya dengan mengakui adanya pemisahan komposisi manusia yang terdiri daripada roh dan jasad sekali gus.

Ilmu, menurut penganut gerakan moden ini, tidak menjadi alat untuk mengubah kecuali sebagai perhiasan dan kebanggaan; tidak boleh memenuhi hajat masyarakat yang ingin mengenali dirinya dan tidak pula dapat merungkaikan kekusutan lingkungan yang hendak diubah.

Sesungguhnya “ketegangan fikiran” atau yang dinamakan Malek Bennabi “kegoncangan hati” dalam mengarahkan ilmu telah menyebabkan keadaan yang lembab ini dan inilah yang memestikan perlunya pembaikan asasi dalam mempersiapkan jiwa dan akal yang memungkinkannya mampu melenyapkan kegoncangan hati, supaya ia dapat membuang kelembaban masyarakat dan mendorongnya untuk maju.

Kedua-dua gerakan tersebut telah kehilangan upaya mempengaruhi pendidikan untuk menyemaikan nilai dan pengertian yang merupakan asas dalam usaha perubahan, seperti kewajiban mengatasi hak, pendekatan, perancangan, intropeksi diri, keteladanan dan yang selain itu dari nilai-nilai yang tanpanya akan menyebabkan lahirnya hal-hal negatif yang melekat pada aspek-aspek moral masyarakat dan menegahnya dari bergerak maju.

Gerakan Pembaharuan nampaknya lebih cenderung kepada bidang pemikiran bukan tindakan dan percaya mampu membawa pemikiran kebangkitan menuju perubahan melalui “domir” orang-orang Islam; sementara Gerakan Pemodenan agak dangkal dalam bidang ini kerana ia sengaja menjauhi “domir”, walaupun tidak mungkin dinafikan bahawa ia juga membawa sedikit sebanyak nilai-nilai positif dalam beberapa hal. Tetapi pengertian pembinaan bagi kedua-dua gerakan ini kurang menitikberatkan soal “perancangan”.

Para pembaharu dalam bidang persekolahan lupa memperbaharui dirinya, padahal ia adalah orang yang belajar di sekolah moden: ramai penuntut yang melanjutkan pelajaran di Paris, tanpa mereka sedari mereka pun lalu terpisah dari lingkungan leluhur dan segala masalahnya.

Kurangnya perancangan dan penyelidikan yang kemas dalam usaha perubahan serta tiadanya model pimpinan sebagaimana dituntut oleh setiap gerakan pembaharuan dan perubahan yang sebenar, di samping pengabaian lingkungan dan sosial, kesemuanya ini merupakan kelemahan dan ciri-ciri yang paling menonjol pada gerakan perubahan moden.

Gerakan-gerakan perubahan di Dunia Arab umumnya lebih banyak menggemparkan masyarakat dengan “cara-cara tertentu yang bertujuan mempertahankan dirinya sendiri atau untuk mendapatkan maslahat peribadi berbanding usaha mencetuskan perubahan asasi terhadap realiti masyarakat ini untuk merealisasikan keadaan yang dikehendaki.”

Adapun usaha kompromi yang sama-sama dilakukan kelompok reformis dan modernis, maka yang demikian tidak lain kecuali usaha menyatukan umat, yang menurut Malek Bennabi tetapi “tidak lahir dari kesadaran dan perancangan yang ilmiah; ia adalah suatu penghimpunan ‘endapan lapuk’ yang belum dicuci dari tabiat usangnya dan ‘perolehan baru’ yang tidak disertai dengan usaha yang selektif”

Percantuman dua unsur antara masa yang berlainan dan budaya yang bertentangan ini jelas tidak mempunyai ikatan tabi'i atau logika yang menghubungkan antara kedua-duanya. Inilah salah satu penyebab terpenting berlakunya keadaan yang memprihatinkan di Dunia Islam hari ini.

Kritikan yang kami sampaikan ini, begitu juga usaha Malek Bennabi yang cuba memberi arah yang jelas kepada pemikiran gerakan perubahan, membuat kami sedar bahawa apa yang dikemukakan sebagai alternatif, memang jauh dari kelemahan yang menjadi sasaran kritiknya. Justeru itu, kita akan melihat di akhir buku ini, setelah membincangkan himpunan pemikiran dan gagasan perubahannya bahawa apa yang dikemukakan tidak meleset dan memang demikianlah hendaknya pemikiran pembaharuan. Membuat perubahan sosial, menurut Malek Bennabi, adalah sinonim bagi penyelesaian “masalah tamadun” peradaban yang akan kita ketahui melalui penjelasan Malek Bennabi selepas ini.



NOTA HUJUNG

- ¹ Pengenalan teori yang menafsirkan perubahan sosial boleh dirujuk, misalnya, Nikolai Timasyev, Nazariyah 'Ilm al-Ijtima-Tab'atua wa Tatawwuruha, terj. Mahmud 'Awdah dan lain-lain, rujukan Muhammad 'Atif Ghayth, Dar al-Ma'arif, cet. Ke-7, 1982; Muhammad al-Hadiy 'Affifi, al-Tarbiyah wa al-Taghyir al-Thaqafiy. Angelo al-Mishriyah, cet. Ke-4, Kaherah, 1975.
- ² Malek Bennabi, Milad Mujtama', Syabbah al-'Alaqat al-Ijtima'iyah. juz I, terj. Abdus Sabur Syahin, cet. Ke-2, Dar al-Insya'i al-Tiba'ah wa al-Nasyr, Tripoli Lebanon, 1974, hal. 23-24.
- ³ Malek Bennabi, Syurut al-Nahdah, terj. Umar Kami Masqawi dan Abdus Sabur Syahin, terbitan Nadwah Malek Bennabi. Dar al-Fikr Damsyik, 1979, hal. 63.
- ⁴ Beliau berkata tentang teori "lingkaran Sejarah" selepas Ibnu Khaldun dan yang lain-lain seperti Gabon, Nikolai Davilsky dan selain mereka, tetapi dengan cara yang berlainan.
- ⁵ Silakan rujuk buku-buku berikut:
- ⁶ a. Muhammad al-Hadi 'Affifi, al-Tarbiyah wa al-Taghyir al-Thaqafiy, rujukan terdahulu, hal. 50-51.
- ⁷ b. Nikolai Timasyev, Nazariyah 'Ilmi al-Ijtima' Tabi'atua wa Tatawwuruha, terj. Muhammad 'Awdah dan lain-lain, hal. 94-95.
- ⁸ c. Sorokin, Pitirim, Social and Cultural Dynamic, N.Y. 'Voil, Chapter IV. 1937.
- ⁹ Malek Bennabi, Syurut al-Nahdah, rujukan terdahulu, hal. 62 dan 65.
- ¹⁰ Ibid.
- ¹¹ Silakan rujuk fasal "Athar al-Fikrah al-Diniyah fi Takwin al-Hadarah", hal. 61-72; dan fasal "al-Dawrah al-Khalidah" dari hal. 47-57 dalam buku Syurut al-Nahdah; juga fasal "al-Zahirah al-Dawriyah", dari hal. 21-27 dalam buku Wijah al-'Alam al-Islamiy.
- ¹² Sebenarnya tegaknya mana-mana peradaban menurut pandangan Malek Bennabi bermula atas dasar agama; hal ini berlaku dalam peradaban Kristian, Islam, Buddha ataupun Brahma. Juga atas asas pergantian masa bagi pemikiran keagamaan, seperti projek sosial bagi membina sebuah masyarakat sebagai contoh. Peradaban Komunis - menurut Malek Bennabi - juga tunduk kepada aturan ini, maka ia dilihat dari sejarahnya sebagaimana diyakininya - ia bermula dari "kegoncangan" peradaban Kristian; dari segi psikologinya ia adalah akibat dari tindakannya yang mendorong orang-orang percaya kepadanya. Maka gejala yang terlihat dalam inti kejiwaannya adalah penetapan tingkah laku yang sama pada individu di sana-sini dalam masyarakat membangun.
- ¹³ Maka, keyakinan yang didorong Istokhonov untuk melaksanakan projek pertama bagi lima tahun untuk menghasilkan arang dalam menyerupai keyakinan Salman al-Farisi yang melipatgandakan usaha menggali lubang di sekeliling kota Madinah dalam perang Ahzab, juga menyerupai usaha yang dilakukan oleh 'Ammar Bin Yasir ketika membina masjid pertama di Madinah.
- ¹⁴ Perubahan sosial - dalam beberapa seginya - dalam bidang "intelekt" di Perancis dan bidang "estetika" di Itali menyebabkan para pemikir di Eropah moden mendapati dirinya terancam jika harus kembali kepada asalnya dalam agama Kristian setiap kali menghadapi penentangan. Silakan rujuk buku Malek Bennabi, Syurut al-Nahdah, hal. 54-55; Afaq Jaza'iriyah, cet. ke-2, Maktabah Ammar, Kaherah, 1971, hal. 66, 67 dan 68.
- ¹⁵ Malek Bennabi, Ta'amulat, terbitan Nadwah Malek Bennabi, cet. ke-3, Dar al-Fikr Damsyik, hal. 41. Di sini Malek Bennabi tersalah dalam memberi tarikh Imam al-Ghazali diwafatkan, yang benar ialah pada tahun 505H, bererti beliau tidak sempat menyaksikan period ke-3 dari period-period peradaban Islam sebagaimana disebut dalam penjelasan Malek Bennabi, justeru itu, anggapannya bahawa kitab Ihyā' 'Ulumuddin ditulis sebagai tindak balas terhadap keadaan yang berlaku dalam period itu adalah tidak benar.
- ¹⁶ Ibid, hal. 41-43.
- ¹⁷ Silakan rujuk catatan kami yang berupa kritikan terhadap teori lingkaran dan kandungan pendidikannya menurut Malek Bennabi dalam fasal yang terakhir buku tersebut.
- ¹⁸ Malek Bennabi, Syurut al-Nahdah, rujukan terdahulu, hal. 67.

¹⁹ Malek Bennabi, *Musykilah al-Afkar fi al-'Alam al-Islamiy*, terj. Muhammad Abdul Azim Ali, cet. pertama, Maktabah 'Ammar, Kaherah, 1971, hal. 54.

²⁰ Malek Bennabi, *Wijhah al-'Alam al-Islamiy*, rujukan terdahulu, hal. 114, 115, 117 dan 119.

²¹ Ibid.

²² Malek Bennabi, *Syurut al-Nahdah*, rujukan terdahulu, hal. 53.

²³ Jawdat Sa'id, *Hatta Yughayyiru Ma Bianfusihi*, kata pengantar oleh Malek Bennabi, cet. ke-3, Damsyik, 1977, (dalam kata pengantar), hal. 7-11.

²⁴ Ibid.

²⁵ Ibid.

²⁶ Sebenarnya perbuatan yang dibangsakan kepada Allah dalam ayat ini memberi pengertian bahawa Dia akan menyempurnakan dengan usaha manusia, barangkali pada baris berikutnya ayat yang sama ada yang menganggapnya saling bertentangan, tetapi sebenarnya tidak kerana ia tidak lebih dari penjelasan bagi keseluruhan ayat tersebut, seperti ini:

²⁷ "Apabila kaum itu mengubah keadaan mereka ke arah keburukan, misalnya, maka mestilah mereka menjadi hina, tidak seorang pun mampu menghalang akibat seperti ini, kerana si Pencipta alam ini jugalah yang membuat aturan yang demikian. Dia buat aturan-aturan yang menyebabkan akibat-akibat yang tidak terhindari, maka suksesi itu adalah perubahan-perubahan yang dibuat oleh manusia berdasarkan iradah yang ada padanya menyebabkan berlakunya perubahan atau perubahan-perubahan yang lain dalam hidup manusia sesuai dengan aturan umum ini.

²⁸ - Silakan rujuk Sa'id Ismail Ali, *Ushul al-Tarbiyah al-Islamiyah*, Dar al-Thaqafah li al-Tiba'ah wa al-Nasyr, Kaherah, hal. 35-36.

²⁹ Malek Bennabi, *Syurut al-Nahdah*, rujukan terdahulu, hal. 30.

³⁰ Sa'id Ismail Ali, *Ushul al-Tarbiyah al-Islamiyah*, rujukan terdahulu, hal. 35.

³¹ Malek Bennabi, *Wijhah al-'Alam al-Islamiy*, rujukan terdahulu, hal. 21.

³² Malek Bennabi, *Bayna al-Rasyad wa Altayn*, terbitan Nadwah Malek Bennabi, cet. ke-1, Dar al-Fikr Damsyik, 1978, hal. 42-44.

³³ Kami kemukakan di sini seruan Malek Bennabi dan pemecahan yang terkandung di dalamnya dari pemikiran-pemikiran dalam penteorian tentang pendidikan dan kemasyarakatan, mencuba menjelaskan nilai-nilainya, mengundurkan sebahagian besar penelitian kami tentang pengkhususan ke fasal terakhir.

³⁴ Malek Bennabi, *Syurut al-Nahdah*, rujukan terdahulu, hal. 27-28.

³⁵ Ibid, hal. 70.

³⁶ Ibid, hal. 75.

³⁷ Malek Bennabi, *al-Zahirah al-Qur'aniyah*, terj. Abdus Sabur Syahin, pengantar oleh Muhammad Abdullah Diraz dan Mahmud Muhammad Syakir, terbitan Nadwah Malek Bennabi, Dar al-Fikr Damsyik, 1980, hal 174-175.

³⁸ Malek Bennabi, *Syurut al-Nahdah*, rujukan terdahulu, hal. 48.

³⁹ Malek Bennabi, *Afaq Jaza'iriyah*, rujukan terdahulu, hal. 70.

⁴⁰ Malek Bennabi, *Dawr al-Muslim wa Risalatuhu fi al-Thuluth al-Akhir min al-Qarn al-'Isyir*, hal. 20-21.

⁴¹ Malek Bennabi, *Ta'amulat*, rujukan terdahulu, hal. 132.

⁴² Malek Bennabi, *Ibid*, hal. 134.

⁴³ Malek Bennabi, *Afaq Jaza'iriyah*, rujukan terdahulu, hal. 101-102

- ⁴⁴ Ibid, hal. 100.
- ⁴⁵ Ibid, hal. 106-107.
- ⁴⁶ Ibid.
- ⁴⁷ Malek Bennabi, *Syurut al-Nahdah*, rujukan terdahulu, hal. 145.
- ⁴⁸ Malek Bennabi, *Afaq Jaza'iriyah*, rujukan terdahulu, hal. 38-49.
- ⁴⁹ Ibid.
- ⁵⁰ Ibid, hal. 146-147 dan 30.
- ⁵¹ Ibid.
- ⁵² Ibid.
- ⁵³ Muhammad al-Hadiy 'Afifi, *Fi Ushul al-Tarbiyah*, Maktabah Angelo al-Mishriyah, 1973, hal. 232.
- ⁵⁴ Ibid, hal. 56.
- ⁵⁵ Malek Bennabi, *Ta'amulat*, rujukan terdahulu, hal. 65.
- ⁵⁶ Ibid, hal. 34 dan 39.
- ⁵⁷ Ibid.
- ⁵⁸ Ibid.
- ⁵⁹ Ibid, hal. 37-38.
- ⁶⁰ Ibid.
- ⁶¹ Ibid, hal. 40.
- ⁶² Ibid, hal. 38 dan 44.
- ⁶³ Ibid, hal. 37-38 dan 132.
- ⁶⁴ Ibid.
- ⁶⁵ Sa'id Marsi Ahmad, *al-Tarbiyah wa al-Taqaaddum*, 'Alam al-Kutub, cet. ke-2, Kaherah, 1979, hal. 212.
- ⁶⁶ Malek Bennabi, *Wijhah al-'Alam al-Islamiy*, rujukan terdahulu, hal. 154.
- ⁶⁷ Malek Bennabi, *Ta'amulat*, rujukan terdahulu, hal. 147.
- ⁶⁸ Paul H., *Nahwa Falsafah li al-Tarbiyah*, terj. Sa'id Marsi Ahmad dan Fikri Hasan al-Rayyan, 'Alam al-Kutub, Kaherah, 1966, hal. 63.
- ⁶⁹ Malek Bennabi, *Wijhah al-'Alam al-Islamiy*, rujukan terdahulu, hal. 48.
- ⁷⁰ Malek Bennabi, *Ta'amulat*, rujukan terdahulu, hal. 34-35 dan 38.
- ⁷¹ Ibid.
- ⁷² Malek Bennabi, *Ta'amulat*, rujukan terdahulu, hal. 55, 126, 132 dan 144.
- ⁷³ Ibid.
- ⁷⁴ Ibid.

- ⁷⁵. Ibid.
- ⁷⁶. Ibid, hal. 126.
- ⁷⁷. Malek Bennabi, al-Zahirah al-Qu'raniyah, rujukan terdahulu, hal. 184-185.
- ⁷⁸. Ibid.
- ⁷⁹. Ibid.
- ⁸⁰. Malek Bennabi, Musykilah al-Afkar fi al-'Alam al-Islamiy, rujukan terdahulu, hal. 196-197.
- ⁸¹. Malek Bennabi, Bayna al-Rasyad wa Altayh, rujukan terdahulu, hal. 45-46.
- ⁸². Malek Bennabi, Fikrah Commonwealth Islamiy, cet. ke-2, Maktabah Ammar, Kaherah, 1971, hal. 92.
- ⁸³. Ibid, hal. 93
- ⁸⁴. Malek Bennabi, Ta'amulat, rujukan terdahulu, hal. 189-191.
- ⁸⁵. Ibid.
- ⁸⁶. Husein Mu'nis, al-Hadarah, rujukan terdahulu, hal. 343.
- ⁸⁷. bid, hal, 191-192.
- ⁸⁸. Ibid.
- ⁸⁹. Ibid.
- ⁹⁰. Fadil al-Jamali, Tarbiyah al-Insan al-Jadid, al-Syirkat al-Tunisiyah li al-Tawzi', 1962, hal. 52.
- ⁹¹. Muhammad Labib al-Najih, al-Usus al-Ijtima'iyah li al-Tarbiyah, cet. ke-7, Maktabah Angelo al-Mishriyah, 1978, hal. 345.
- ⁹². Malek Bennabi, Musykilah al-Thaqafah, terbitan Nadwah Malek Bennabi, Dar al-Fikr Damsyik, 1981, hal. 11-12.
- ⁹³. Malek Bennabi, Fikrah Commonwealth Islamiy, rujukan terdahulu, hal. 27.
- ⁹⁴. Malek Bennabi, Musykilah al-Afkar fi al-'Alam al-Islamiy, rujukan terdahulu, hal. 30.
- ⁹⁵. Ibid, hal. 32-34.
- ⁹⁶. Ibid.
- ⁹⁷. Malek Bennabi, Fikrah Commonwealth Islamiy, rujukan terdahulu, hal. 97.
- ⁹⁸. Ibid, hal. 98.
- ⁹⁹. Ibid, hal. 36.
- ¹⁰⁰. Malek Bennabi, Afaq Jaza'iriyah, rujukan terdahulu, hal.172.
- ¹⁰¹. Malek Bennabi, Musykilah al-Afkar fi al-'Alam al-Islamiy. Rujukan terdahulu, hal. 67.
- ¹⁰². Malek Bennabi, Ibid, hal. 209.
- ¹⁰³. Malek Bennabi, Musykilah al-Thaqafah, rujukan terdahulu, hal. 45.
- Ibid, hal. 203-204.
- ¹⁰⁴. George F Tylor, Muqaddimah ila Falsafah al-Tarbiyah, terj. Nazmi Luqa, Anglo al-Mishriyah, Kaherah, hal. 31.

- ¹⁰⁵ Malek Bennabi, *Musykilah al-Afkar fi al-'Alam al-Islamiy*, rujukan terdahulu, hal. 90.
- ¹⁰⁶ Ibid, hal. 78.
- ¹⁰⁷ Ibid, hal. 91.
- ¹⁰⁸ Ibid, hal. 218.
- ¹⁰⁹ Malek Bennabi, *Wijhah al-'Alam al-Islamiy*, rujukan terdahulu hal. 74.
- ¹¹⁰ Ibid, hal. 203-204
- ¹¹¹ Malek Bennabi, *Wijhah al-'Alam al-Islamiy*, hal. 72-73.
- ¹¹² Malek Bennabi, *Musykilah al-Afkar fi al-'Alam al-Islamiy*, rujukan terdahulu, hal. 140-141.
- ¹¹³ "Zaman selepas al-Muwahhidin" dan zaman "Selepas peradaban" merupakan dua istilah yang selalu digunakan oleh Malek Bennabi bagi merujuk period kita sekarang ini yang dianggapnya periode ketiga (kemunduran) dalam putaran peradaban Islam menurut gambarnya.
- ¹¹⁴ Malek Bennabi, *Fi Mahab al-Ma'rakah*, rujukan terdahulu, hal. 180.
- ¹¹⁵ Ibid, hal. 183-184.
- ¹¹⁶ Malek Bennabi, *Wijhah al-'Alam al-Islamiy*, rujukan terdahulu, hal. 74.
- ¹¹⁷ Malek Bennabi, *Dawr al-Muslim wa Risalatuhu fi al-Thuluth al-Akhir min al-Qarn al-'Isyryn*, rujukan terdahulu, hal. 60.
- ¹¹⁸ Malek Bennabi, *Wijhah al-'Alam al-Islamiy*, rujukan terdahulu, hal. 45.
- ¹¹⁹ Ibid, hal. 46-48.
- ¹²⁰ Muhsin Abdul Hamid, *al-Nursiy Ra'id al-Fikr al-Hadith fi Turkiya*, majalah "al-Ummah", bil 19, tahun II, Mei 1982, hal. 48.
- ¹²¹ Ibid, hal. 50.
- ¹²² Ibid, hal. 145.
- ¹²³ Ibid, hal. 46, 52-53 dan 79.
- ¹²⁴ Ibid.
- ¹²⁵ Ibid, hal. 145, 70 dan 54.
- ¹²⁶ Ibid.
- ¹²⁷ Ibid.
- ¹²⁸ Ibid.
- ¹²⁹ Ibid.
- ¹³⁰ Ibid, hal. 54 dan 75.
- ¹³¹ Ibid.
- ¹³² Malek Bennabi, *Syurut al-Nahdah*, rujukan terdahulu, hal. 27.
- ¹³³ Malek Bennabi, *Wijhah al-'Alam al-Islamiy*, rujukan terdahulu, hal. 55 dan 27.
- ¹³⁴ Ibid.

¹³⁵. Ibid, hal. 55.

¹³⁶. Ibid, hal. 55 dan 145-148.

¹³⁷. Ibid.

¹³⁸. Ibid.

¹³⁹. Malek Bennabi, *Wijhah al-'Alam al-Islamiy*, rujukan terdahulu, hal. 149.


¹⁴⁰. Jelas dapat dilihat penilaiannya terhadap gerakan Ikhwan berbeza dengan sesudahnya.

¹⁴¹. Wilfred Contvelli Smith, *Islam in Modern History*, New Jersey, Amerika, 1957, hal. 57.

¹⁴². Malek Bennabi, *Musykilah al-Afkar fi al-Alam al-Islamiy*, rujukan terdahulu, hal. 142.

¹⁴³. Malek Bennabi, *Wijhah al-'Alam al-Islamiy*, rujukan terdahulu, hal. 58-59.

¹⁴⁴. Ibid, hal. 61.



MALEK BENNABI

DAN

PERGOLAKAN SOSIAL

(PERUBAHAN SOSIAL DAN ASAS-ASAS PENDIDIKANNYA)

Pada awal abad ke-20, muncul beberapa orang tokoh yang agak menonjol dalam pemikiran tentang perubahan sosial, meskipun pendekatan mereka berbeza-beza.

Ramai di antara mereka yang telah dikenali melalui karya-karya atau menerusi sumber maklumat yang luas, namun atas sebab-sebab tertentu, ada di antara mereka yang seolah-olah dilupakan. Ini termasuklah tokoh pemikiran kita yang telah memberikan sumbangan berharga kepada dunia pemikiran Islam khususnya mengenai perubahan sosial iaitu **MALEK BENNABI** (1905-1973).

Malek Bennabi boleh dianggap sebagai salah seorang perintis jalan pemikiran perubahan sosial di dunia Arab dan Islam pada zaman tersebut. Beliau telah menggunakan pendekatannya sendiri dalam kajiannya terhadap masalah lama dan baharu serta melontarkan pandangan dan gagasan yang beras untuk mengatasi masalah-masalah yang timbul di dunia Islam ketika itu.

Selain itu, beliau juga tergolong sebagai intelek Muslim yang berani menyatakan pandangannya dengan penuh keyakinan bahawa masih ada sistem lain yang dapat dijadikan pendekatan untuk mencetuskan suatu kebangkitan menuju ke arah peradaban yang bernilai. Sistem itu ialah Islam yang mampu menggantikan kapitalisme dan sosialisme.



e ISBN 978-629-7760-01-6

